ABSTAINED
AGOGO FANZINE

INSIDE:
DESTRUCTION ZERO
XELEVENX
BURN OUT
COLLAGES
THIS ORDER
SNEAKY SNIPER
PXCXS
MORE.....



SEPT-DEC
#8
RM5.00

PLAYLIST HAFEEZ AMAN

CROMOK – Forever In Time. SILENT DEATH – Breaking the Silence. SIL KHANNAZ – Pendita Gila. LANGSUYR – Eastern Cruelty. AS SAHAR – Meditation Embun Pagi. CARBURATER DUNG – Allure of Manure. SECOND COMBAT – What Has Inspired Us. SS DECONTROL – The Kids Will Have Their Say. SNAPCASE – LookinGlasSelf. HEAVEN IN HER ARMS – Erosion of the Black Specle. FUNERAL DINER – Difference of Potential. SED NON SATIATA/ DAITRO – Split. FC FIVE – Come to the End. VISIONVILLE HC COMP. MEGADETH – Endgame. GOROD – Process of a New Decline. ARSIS – Traces In Air.

PLAYLIST AZRIL/AYEH:

By The Grace Of God & High Visibility albums – The Hellacopters. The Best Of Black Sabbath – Black Sabbath. Rain Maker – Iron Maiden. For The Time Oath – Helloween. Pendita Gila & Gerbang Kayangan – Sil Khannaz. Stroll In Kafan – As Sahar. The Bends & OK Computer – Radiohead. The Man Who – Travis. Lain Dunia, Sesuatu Yang Tertunda & Save My Soul – Padi. Song For A Friend & The Allure Of Manure – Carburetor Dung. And Out Come The Wolves – Rancid. No Future No Hope – Defiance. Under The Radar – Grade. Tolerate No More – F.S.F. About A War – Parkinson. Mass Separation / Atrocious Madness. Eagle heart & Black Diamond – Stratovarious. Now You've Got Something To Die For, Laid To Rest & 11th Hour – Lamb Of God. Different Class – Pulp. Bohemian Rhapsody – Queen. Stars Of CCTV – Hard-Fi.

PLAYLIST DHANI AHMAD:

The Pips - Hukum Rimba. Armada Racun – Amerika, Koil - Kenyataan Dalam Fantasi, Kontaminasi Kapitalis - Join In Channel, L. Danielle – Melonkolika, Handy black – Natrah, Dewa 19 - Persembahan Dari Syurga, Force Vomit - Selera Raya, Bittersweet - Next Aidil Fitri, Meet Uncle Hussain feat L Danielle - Mensyukuri Syawal, Lady Antebellum – Need You (bella) now.



Pre Introduction: One Out of the First Two Fanzines from Kota Bharu, Kelantan.

Oleh: Hafeez Aman
[self proclaimed Ketua Editor]

Usah gusar. Tajuk diatas adalah hanya sebaris catch phrase yang ditulis sebagai strategi pemasaran. Ianya tidak langsung melibatkan rasa bongkak dan bangga diri. Semata-mata untuk menarik minat mereka-mereka yang belum pernah membaca Abstained Agogo Fanzine. Ianya juga tidak ditulis sebagai sebaris slogan dengan unsur patriotisme. Ianya ada disitu dan di muka hadapan semata-mata untuk menarik perhatian. Strategi pemasaran. Zaman berubah, paradigma teranjak, cara berfikir sudah terkehadapan malah peribadi diri mungkin sedikit terkehel sepanjang perjalanan namun jiwa tetap Hardcore Punk.

Idea untuk Abstained Agogo Fanzine bermula pada tahun 1996. Penulis, yang pada masa itu berumur 14 tahun, mula berjinak-jinak dengan scene Hardcore Punk melalui seorang rakan dan "Mentor" kepada penulis iaitu Azra Affendi Abdul Rahman. Seperti kebanyakan rakan-rakan yang lain, penulis diperkenalkan kepada Hardcore Punk sebagai sebuah genre

memamimkan doa ringkas secara sendirian disaat sang imam masih khusyuk berwirid. selesai berdoa, aku melangkah keluar meninggalkan yang lain di masjid. sisa-sisa masa yang ada sebelum jam 7 pagi aku gunakan untuk mensiapkan diri untuk ke pajabat.jam 7 pagi aku harus segera bertolak. jika lebih jam 7 pagi, aku pasti lewat tiba di pejabat.nak tak nak, paling lewat, jam 7 pagi harus bertolak. mempersiapkan diri utk ke pejabat. diakhiri dengan minum pagi secara ringkas sebelum melangkah keluar rumah. selalunya nescafe instan 3 in 1 jadi pilihan. mudah, ringkas, sedap. ok, tepat jam 7 pagi. aku melangkah keluar rumah menuju ke kereta. kereta kecil mampu milih rakyat marhaen.kereta buatan malaysia sudah pasti. syukurlah dengan apa yang ada. kereta yang tidak bergaya, tapi cukup untuk mencapai objektif asalnya, yakni, membawa aku ke lokasi yang dituju dengan cepat dan selamat. bermula jam 7 pagi tepat, enjin kereta dihidupkan, sehinggalah 20 minit kemudiannya barulah enjinnya dimatikan. selama itulah masa diambil untuk membawa aku dari rumah ke tempat kerja.

ok stop. cukup setakat tu. tak habis 18 muka surat kalau aku nak detailkan mengenai kehidupan aku. aku menulis ni bukan di kolum artikel, tapi di kolum thanx list. jadi sepatutnya aku menulis ucapan terima kasih aku di sini. bukan menulis artikel. tapi sebenarnya, memang aku menulis artikel ini untuk tujuan itu. tujuan terima kasih maksud aku. kita sebenarnya sering terlupa untuk mengucapkan terima kasih kepada benda-benda disekeliling kita. walhal, mereka lah yang banyak menghidupi kita.

sebermulanya dari sang sony ericcson w660i yang mengejutkan aku, sehinggalah sang kereta yang membawa aku ke pejabat, dan segala macam hal-hal kehidupan seterusnya, ucapan terima kasih dari aku untuk kalian. ucapan TERIMA KASIH juga ditujukan kepada semua kawan dan kekasih masa lampau, masa kini dan masa akan datang; buat mereka yang pernah dan masih berkongsi hidup dengan aku; mereka yang pernah membenarkan hati mereka aku sentuhi dan akhirnya aku hancuri; juga buat mereka yang pernah menghancurkan hati aku; buat kekasih siang dan gelap; buat wanita-wanita yang sudi menemani aku menghabiskan masa minggu aku daripada menjadi tidak bermakna menjadi bermakna (walaupun cuma seketika), (walaupun aku tidak kenal siapa kalian sebenarnya); buat kawan dan lawan yang pernah menyenangkan dan kemudianya menyusahkan aku; juga buat segala kesenangan dan kepayahan hidup yang aku hadapi. sekalung ucap terima kasih aku berikan kepada kalian. kerana kalianlah terciptanya sensesi-sensasi hidup yang seterusnya mewarnai kehidupan aku dengan warna yang pelbagai. dan kerana kalian jugalah menjadikan aku sentiasa merasa bertuah [walaupun kadang-kadang (sangat) menyakitkan] dengan kehidupan yang aku ada sekarang. akhir sekali, untuk kesemua kehidupan ini, ucapan terima kasih yang maha besar buat Allah s.w.t, Sang Pencipta Alam yang memberi peluang hidup kepada aku dan secara langsung mencorak kehidupan aku dengan susur galur yang dramatik. terima kasih semuanya.

Faisal

merahdanhitam@yahoo.com

www.bilik.blogspot.com

www.koleksizine.blogspot.com

KOMUNIKASI BUNUH KEJAHILAN!

[kredit gambar: kesemua gambar-gambar yang terdapat didalam fanzine ini diambil daripada internet dan Myspace band-band yang berkenaan. Kami memohon maaf kepada semua jurugambar yang tidak dikreditkan secara personal kerana kami sendiri tidak tahu siapa yang empunya gambar-gambar tersebut. Namun kudos kepada semua.]

[hakcipta: rencana yang ditulis oleh para editor didalam fanzine ini tidak dilindungi oleh akta hakcipta dan anda boleh mengambilnya untuk dimuatkan didalam fanzine anda sendiri sekiranya anda seorang yang ultra pemalas. Namun sila letakkan kredit yang sesuai kepada penulis Abstained Agogo Fanzine.]

[jangan bayar lebih dari RM5 untuk belian tangan]

See you in the next round!

Kepada para band yang tak sempat kami temubual/tak sempat siapkan temubual/tercicir dari dari kemasukan seperti Breakin Chains, Thy Regiment, xLumbrahx, Last Strive, Triangle dan Cross Line ampun maaf kami pinta. Tidak ada rezeki untuk menampilkan kalian didalam isu kali, mungkin di isu-isu yang akan datang ya. Pohon ribuan ampun maaf.
A very special mention: Atoi Switch2Tee kerana sudi mencetak baju Abstained Agogo yang bakal menjadi Collectors Item para Hardcore Punks yang harganya bakal mencecah ribuan ringgit di ebay. Hahaha. Thanks man for your effort, hardwork and kindness. Much love!

Kepada Hardcore rock stars yang merasakan mereka terlalu besar untuk membalas mesej kami walaupun kami terpaksa menebalkan muka kami terhegeh-hegeh menghantar follow up berulang kali untuk mendapatkan feedback, hanya untuk di ignore, kami dengan suci hati dan ikhlas ingin mengucapkan: Fuck off you worthless motherfuckin cunts! The Hardcore Punk scene does not need arrogant little fucks like you, worthless assholes! Anda tahu siapa anda. Fuck you!!

Well, i think, thats about it lah. Kepada nama-nama yang tercicir, blame it to the head not the heart. Much love! Lets make fanzines a threat again!

Hafeez Aman

benignism@yahoo.com

www.cintakanaman.blogspot.com

www.thebulletbelt.blogspot.com

THANK LIST AZRIL/AYEH:

Allah S.W.T untuk kehidupan dan segala kudrat yang dipinjamkan, isteri tercinta, Farah Syahida Ahmad untuk perkongsian hidup, anakanda tersayang, Ayril Ayyman sumber inspirasi. Sahabat-sahabat yang tidak akan terputus, Hafizxxxaman terima kasih kerana menjemput untuk berkolaborasi setelah 10 tahun Abstained Agogo yang pernah kita usahakan. Editor barsama Faisalxxx, terkenang zaman muda bersama Ancaman. NOSC Spirit, Pudin, Nasir & Gupa (Revenge Of the Killer Germs), Ise No(ise) zine, Jera Corepack Zine, Aizuddin Ali (Papakerma Records), Nazier, Pidah & Juwe (Shabra Shatilla) -kamu adalah hardcore. Freedom Nik Ikhwan Junkie, Mat Pang (Anak Liar Records), Affa & Phalanx Suffer, Juwe & The Redhead, Ariff Hafiza, Moy & Manisah, Amok Crusty Liar, Paih (Antology OF Life). Sahabat-sahabat di No. 20, Tingkat 2, Jln Tengku Ampuan Zabedah 4/9A, Seksyen 9. Peja, Acad & Jalut (Deepset), Rostam (Grounders & Doged Zine), Burn, Ajax, Tom, Pais, Lee, Apis, GG, Ismadi, Ikram, Amir Macha & Umar - rindu kalian semua. Shah Alam Rockers, Pat, abid, Kia (Specops) Zam & The Dirty Dogs, Zaki & Injustice System Acceptance, Aboi, Syam & Opprobrium Adornment, Chikusan - di mana kamu sekarang?, Areep & The Dead Symphony, Bujal & Banzai 606, Anip & Kental, Nikmat, Keju, Zairi, Yus Osman Tikos & Azy yang Jahat -apa plan bhai? Geng UiTM Machang, Metal Amir, Joe (we're in band), Iming SPRM, Matchah si tua kudus, Seraph -Hail To The Thief, Pokrow, Keyo Kusanagi,TerGundala, Boy –poh paleh aok, Ejat Belacak, Pali Dedewo, Zameerios, Delang, Epol, Tok Ayah, Din Panther, Fahmilee, Ayie, Shamer, Budin Cromok, Qick Vesparado, Korie Belang, Paih Bulat, Bullokh, Pokjat, Ali Ronsdale, Ady Warhol, Jeme Kito, Kupeh & FMD Class 2005. Kepada Rule (Holiday In The Rain), Super Supian (T-Shirt Band) Adif Mono, Eppy Ian Brown, Salem Skinhead, Tiqa, Yone dan kepada sesiapa yang tiada namanya di sini, kamu kenal siapa kamu...sekian

Ayeh

Rainyday_revisited@yahoo.com

THANKLIST FAISAL DHANI AHMAD:

hari ini, masih seperti kelmarin. bangun pagiku diiringin deringan alarm yang diset pada handphone sony ericcson w660i.alarm berbunyi aku tutup. tidak terus bangun selalunya. kecuali ada perkara-perkara tertentu yang harus dikejar.alarm handphone aku akan mengejutkan aku 15 minit sebelum azan subuh berkumandang. dan 15 minit itulah tempoh bertenang aku. aku tidak terus bangun dari tilam empuk sehinggalah azan kedengaran.setelah azan keudara, aku bergegas menyiapkan diri untuk ke masjid. aku mandi lebih kurang.selesai ambil wuduk,aku keluar dari kamar kecil yang merupakan lokasi utama yang aku tuju setiap hari.kembali ke bilik tidur untuk mengenakan pakaian yang sesuai ke masjid.siap.diantara tempoh azan subuh sehingga sang bilal mengalunkan iqamah, aku siap mandi dan bersiap utk ke masjid.masa yang sangat singkat, dan aku berjaya lakukan persiapan diri sepantas itu. jadi, kamu nilai sendiri bagaimana persiapan awal pagi aku. haha. :p. sebermulanya imam mengangkat takbiratul ihram senggalah imam memberi salam tahiyat akhir, aku disaf pertama. ok, cuma satu saf makmun disubuh hari. jika bernasib baik, ada dua saf.tapi kalau bulan puasa, tiga saf makmum pada solat subuh itu normal.selesai memberi salam tahiyat akhir, aku

muzik ekstrim sama seperti muzik Heavy Metal.

Hanya melalui pembacaan senaskhah fanzine barulah Penulis dibuka dan diperkenalkan dengan maksud Hardcore Punk yang sebenar. Ianya sebuah counter culture, sebuah pergerakan subversif dan satu idealisme. Muzik yang bingit dan hodoh ini rupanya bukanlah sekadar sejenis muzik yang bingit dan hodoh semata-mata!
Dengan sumber informasi dan ekonomi yang ultra terhad, Penulis terpaksa menghargai satu-satunya fanzine yang ada pada Penulis pada masa itu iaitu senaskhah fanzine daripada Negeri Sembilan yang bernama Out of Step Fanzine yang sudah pun difotostat kembali daripada salinan yang mungkin juga telah difotostat daripada naskhah asal yang dibeli daripada editornya Ahmad Kamal Abu Bakar.

Penulis meneliti rekabentuk dan susun atur konten fanzine tersebut dan mula memasang angan-angan untuk menerbitkan fanzine sendiri mengikut rangka dan template yang disediakan oleh Out of Step. Percubaan pertama penulis adalah didalam bentuk sebuah fanzine bernama Metamorfosis. Fanzine tersebut tidak pernah sempat untuk melihat hari-hari seterusnya. Gugur didalam kandungan.

Isu pertama Abstained Agogo Fanzine lahir pada tahun 1997 dan ia ditulis dengan tulisan tangan. Temubual pertama yang berjaya dijayakan oleh penulis adalah temubual dengan sebuah band punk yang tersohor daripada Pulau Pinang pada masa itu iaitu Acid Rain yang pada masa tersebut, seingat penulis, sedang didalam proses menerbitkan LP sulung mereka yang bertajuk "Coup D'Etat". Terima kasih buat Acid Rain yang sudi ditemuramah oleh Penulis pada ketika itu.

Temubual tersebut begitu sentimental kepada Penulis kerana jika bukan disebabkan oleh surat balasan daripada Pulau Pinang itu, mungkin isu pertama Abstained Agogo Fanzine tidak akan mampu melihat cahaya siang. Ini kerana kelambatan untuk mendapat respon daripada band-band yang ditemubual membuatkan penulis terus berputus asa untuk meneruskan penerbitan isu pertama fanzine tersebut. Selain Abstained Agogo Fanzine, satu lagi Fanzine daripada Kota Bharu pada masa itu adalah Core Pack Fanzine yang ditulis oleh Azra Affendi.

Antara band-band yang pernah ditemubual oleh Penulis untuk isu-isu terawal Abstained Agogo Fanzine adalah Acid Rain (Punk/Penang), Smash the System (HC/Raub), Enslaved Chaos (Cross Over/Kuantan), Hayagriva (Shadow Metal/Ipoh), Saif Mintaka (Metal/KL), Seasonal Abyss (Cross Over/Seremban), Saturday Heroes (Oi!/Kuching), Shocked (Mincecore/penang), Sickness (Grindcore/Johor), Plea For Peace (CrustPunk/KL) The Scruffys (Punk Rock/Pahang), Silent Majority (Punk Rock/Perlis) Grocery (Indie Pop/Kuching), Disgruntled (GrindCrust/Shah Alam), Stooges Stamp (Pop Punk/Ipoh) dan banyak lagi yang sudah luput dari ingatan. Alamat-alamat mereka didapati dengan mudah didalam Blasting Concept ataupun daripada Flyers-flyers yang diedar.

Sebagai rekod kepada peminat-peminat metalcore, Penulis juga pernah menemu bual Love Me Butch diawal penubuhan mereka namun temubual tersebut tidak pernah dimasukkan ke dalam mana-mana isu. Walau apa pun, 2 lagu LMB yang terkandung didalam kompilasi "With Guns In Our Hands" yang diterbitkan pada tahun

1997 itu adalah jauh lebih bagus dan heavy berbanding lagu-lagu mereka sekarang. Hanya untuk rekod.

Pada zaman permulaan ini, seingat penulis, diantara individu-individu yang sering berutus surat dengan penulis adalah Din (Roots Fanzine) dari Johor dan Nazrul (Mukus Fanzine) dari Melaka. Setahu penulis, Roots adalah diantara fanzine-fanzine dari tahun 90an yang masih lagi bernafas sehingga ke hari ini selain daripada Mosh Fanzine yang ditulis oleh Nizam. Melalui kontek-kontek sebegini juga penulis dapat berkenalan dengan ramai sahabat-sahabat baru. Azli daripada East Gothic Production begitu bermurah hati untuk dub kan demo terawal Langsuyr "Occultus Mysticism" dan Negation "Excessive Consumption".

Azril Mohd Yatim, seorang skinhead, menyertai Abstained Agogo pada isu ke 5 sekiranya tidak silap. Beliau banyak membantu menambahkan konten dan melakukan temubual untuk Abstained Agogo. Tambahan pula, Azril ataupun nama pena nya Ayeh dan Penulis serta Azra (yang pada masa ini sudah pun melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya) tinggal berdekatan, maka hampir setiap malam adalah malam-malam untuk dihabiskan dengan perbincangan mengenai perkembangan muzik didalam scene tempatan dan juga idea-idea untuk isu Abstained Agogo yang terbaru. Penulis dan Azril juga pada setiap masa, sentiasa berusaha mencari rakan-rakan baru yang sejiwa yang mungkin wujud di celah celah kesesakan berkala Kota Bharu dan untuk menerima satu surat yang dipenuhi dengan A Circles daripada seorang rakan Hardcore Punk daripada Penang yang berasal daripada Kota Bharu adalah satu pengalaman yang cukup mengujakan.

Nama beliau adalah Ahmad Faisal Othman, seorang anak muda yang belajar di Pulau Pinang tetapi berasal daripada Nilam Puri, Kota Bharu. Seorang anarko punk yang sangat radikal. Beliau menyertai Abstained Agogo seingat penulis pada isu yang ke 7. Isu ini menyaksikan Abstained Agogo diterbitkan sebagai Split rilis dengan sebuah lagi fanzine daripada Melaka yang bernama Homicide yang diterbitkan oleh editornya iaitu Shahridan. Ianya menjadi satu-satunya isu Abstained Agogo yang mendapat sedikit sambutan.

Didalam pada masa yang sama kami terus giat didalam usaha untuk mengenal pasti rakan-rakan Hardcore Punk yang lain yang mungkin wujud di Kota Bharu. Kegiatan ini bercambah dari sehari ke sehari menemukan kami dengan rakan-rakan punk rock baru sehingga lahirlah sebuah kolektif yang dikenali hari ini sebagai Network of Solidarity Collective (NOSC). Pada masa ini Abstained Agogo mula mengembangkan sayap apabila Penulis, Azril dan Faisal mula menghasilkan karya-karya baru secara bersendirian.

Disamping Abstained Agogo Fanzine, penulis menerbitkan Cintakan Aman Newsletter, Faisal menerbitkan Sebutir Bintang Merah Fanzine dan Roti & Ros Fanzine manakala Azril pula menerbitkan Now And Again Newsletter dan A Peace Destination Fanzine. Fanzine dan Newsletter daripada Kelantan yang ada pada masa itu diantaranya adalah Boisterous/Life is Funny (Nik Ikhwan), Tears of Mine (Nazier Osman), Mirrors of Mine (Aizudin Ali), Noi (Hisham dan Mohd Hafiz), Core Pack dan Against Hate Newsletter (Azra Affendi dan Saripudin Mamat), Dongan (Jarl), Darah Muda/A Piece of Peace (Firdaus Muhammad) dan Agony (Munirah).

developing your own ideas about capitalism. That was how I developed my interest in modern philosophies. Call it poseurism, but that's how it was. That very same poseurism led me to pursue a law degree and become who I am today.

I, for once, never thought that I would stop writing. I vowed never to stop doing fanzines. Writing was in my blood. It kept my going, literally with no pun intended. What happened then? Honestly, I do not have any answer. I kind of mellowed out and weed my self out of the fanzine scene. Come to think of it, fanzines weeded themselves out of the scene too.

As much as I wanted to blame the internet for literally nailing the last nail to the coffin, I certainly could not deny its power. It helped the growth of the bands. Promotion was easier. Communication was made easier and much more reliable. Fanzines and newsletter, as we know it, became redundant.

Undoubtedly, the millennium era was the era for the bloggers. A large number of former fanzine editors switched to blogging and it is always fascinating for me to know that quite a number of these former Hardcore Punk outcasts and society rejects became proficient at it.

When I decided to release this fanzine, one of the principle objectives was to support the re-cultivation of the culture of fanzines in the local Hardcore Punk movement. Along the road, while I am at it, why not, I thought, I try and inspire the kids to make their own fanzines. And yes, I will keep on whining about the awesomeness of the 90s scene and bore you to death.

Now, go and get inspired and be an inspiration.

Well, if you can't, I can always sit back and enjoy my creative masterpiece. Personal satisfaction.

THANK LIST HAFEEZ AMAN:

Setelah berhempas pulas, bersengkang mata selama hampir 2 bulan, akhirnya Alhamdulillah, fanzine ini akhirnya dapat diterbitkan dan dikeluarkan juga. Seperti yang pernah ditulis sebelum ini, seorang penulis sangat benci untuk menulis namun paling gembira apabila karya beliau sudah selesai ditulis. Dan bagi aku, sepanjang berkecimpung didalam dunia fanzine tanah air, sekiranya ada kolum yang paling seronok untuk ditulis maka ini lah dia, kolum thank list. Satu; kerana ia adalah kolum terakhir untuk disiapkan dan selepas ini tiada lagi keperluan untuk menulis. Dua; peluang untuk mengarut dan mencarut sesuka hati beta.

Aku ingin memohon setinggi-tinggi kesyukuran kepada Pencipta teragung untuk anugerah kehidupan yang penuh ranjau namun sangat istimewa ini. Sebesar-besar pujian juga keatas junjungan besar Muhammad Rasulullah, pesuruhNya.

Sebesar-besar penghargaan kepada keluarga tercinta di Ampang, Subang dan Sg Besi dan juga diri yang satu lagi di Damansara.

Laungan horray yang paling kuat kepada dua Punk Rocker rajin last minit yang paling sejati didalam cara mereka tersendiri iaitu Faisal Dhani Ahmad dan Azril Mohd Yatim serta keluarga masing-masing. Terima kasih diatas persahabatan, komitmen dan juga sumbangan untuk isu Abstained kali ini. Walaupun berkali kali juga aku nak kena paksa suruh submit artikel cepat-cepat hahaha. Kudos my brothers. Ada rezeki, kita buat lagi benda ni. Maybe 7 tahun lagi. Haha.

Kawan-kawan didalam NOSC Kota Bharu, Nik Ikhwan (boss, sorry tak sempat dapat hang punya contribution) dan Dean (boss, lama tak keluar makan dengan kau). Kawan-kawan baru dan lama dalam facebook, Azreen HC (boss, sorry tak sempat nak dapatkan hang punya gig review) dan Nizang Mosh (for getting me started with Omnibus which led to this).

Terima kasih yang tidak terhingga kepada para band yang memberi kerja sama yang sangat baik dalam menjayakan temubual-temubual yang melecehkan itu. Wan dan Burn Out, Nik Hanif dan Collages, Mixart dan Personal Control System, Bart dan Eleven, Ash dan Destruction Zero, Firdaus, Aidi dan This Order, Wan dan Sneaky Sniper serta band-band yang begitu supportive memberikan biografi seperti Through Our Lungs, Thinking Back, Note Down, Fight Field dan juga Chasing Villains. Ratusan, ribuan dan jutaan terima kasih diatas kerja sama dan sokongan kalian semua terhadap projek ini. Tanpa sokongan kalian, Projek ini tidak akan siap. Terima kasih, terima kasih, terima kasih. You guys rock! Much love!

Sarawak) atau 0138209234 –Archi (KL, semenanjung Malaysia).

15- Terima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk menjawab temubual ini. Kata kata akhir buat pembaca Abstained Agogo?

Sama-sama. Kata akhir, buat pembaca Abstained Agogo, selamat membaca dan semoga terhibur. Keep update dengan Abstained Agogo, dan juga terima kasih En.Hafeez sebab bagi peluang temu ramah ini untuk DZ. Kepada semua kawan, warm hug from us. Stay connected with us too. Jangan lupa, senyum-senyum selalu untuk kelihatan lebih muda dan menawan. Heheh. Kalau ada tersalah kata, atau tersilap bahasa, minta ampun dan maaf dari hujung rambut ke hujung kuku kaki. One word for you guys . Thank you for everything. Setakat ini sahaja dari kami, Destruction Zero (DZ). Terima kasih semua.

TOWARDS THE END

Abstaining the Agogo:

By: Hafeez Aman

This one is going to be in English. No particular reason. Consider this a tribute to the earlier issues of this fanzine which saw it being written and published in English. I have been banging on the drums through out these pages and I am quite sure that you now know that this is my first attempt to publish an underground Hardcore Punk fanzine, 7 years after the last issue of Abstained Agogo in 2003.

So what is the big deal? What is the big fuss? Nobody cares anyway. Nobody even reads nowadays. Well, that's where they got it all wrong. This is big for me. It was never about the perception of the society. It was never about what scene is going to say. It will always be about wanting to do something because you wanted to do it, because I wanted to do it. Is not that the whole idea behind Hardcore Punk anyway?

I mean, come on. Doing something IS punk rock. This is direct fucking action. Up to this point, it felt good trying to relive the wonderful years of the late 90s, the years, in my point of view, when Hardcore Punk fanzine scene used to be fun and entertaining, well at least to me.

Believe me, the quality of the communication and network between fellow punks back then were nothing but strong. The kids were doing fine with tons and tons of reading materials, fanzines and newsletters from all over the country. For once it seems that the Hardcore Punk scene was intellectually indestructible. The agogo was on the move.

Everywhere you went, there will always be places to visit and new friends to meet and to make. Friendships were developed through mountains and mountains of hand written letters. Ideas were shared and debated, new opinions mushroomed and of course there were also the fights over beliefs. It was pretty stupid but it was still intellectually fun nevertheless.

I am not going to conceal anything. I do miss the good old days and I am obviously sentimental to it. Fanzines, flyers, snail mails, the excitement of getting new contacts and addresses and cool new fellow fanzine editors who were always kind to update you with the latest happenings in and out of the scene.

The scene kick started my fascination for myriads of ideologies and modern philosophies. How? Well, you don't want to be left out when everybody around you talked about, for example, capitalism, don't you? Thus you had to study the idea, just to be a part of the tête-à-tête. It was from then on that you will start

Namun pada masa ini, ketiga-tiga editor Abstained Agogo Fanzine sudah mula membawa diri ke luar Kelantan untuk melanjutkan pelajaran. Penulis ke Petaling Jaya, Faisal ke Gombak dan Azril ke Shah Alam. Kesuntukan masa dan kesibukan dengan hidup serta pelajaran masing-masing meninggalkan sedikit ruang untuk Abstained Agogo. Pada tahun 2003 menyaksikan Abstained Agogo Fanzine menerbitkan isu terakhirnya. Abstained Agogo akhirnya terhenti seperti mana suramnya scene fanzine pada masa itu. Paku yang sepatutnya yang terakhir akhirnya terbenam.

Dan masa pun berputar kehadapan sehingga 2010.

Sehinggalah baru baru ini, Ahmad Faisal bertanya penulis samada berminat atau tidak untuk memberi sumbangan rencana kepada sebuah projek Fanzine Kolektif yang diusahakan oleh saudara Ahmad Nizamuddin yang menulis untuk Mosh fanzine bersama beberapa rakan-rakan editor yang rata-ratanya dari era 90an. Penulis ragu-ragu. Untuk kembali menulis tentang Hardcore Punk selepas hampir 7 tahun tidak mengendahkan scene ini bukanlah sesuatu yang mustahil namun ianya bukanlah sesuatu yang mudah. Penulis mengikuti perkembangan scene hanya dengan pembacaan berita-berita terbaru di Ricecooker dan sedikit sebanyak mencedok informasi daripada ROTTW, sebuah majalah muzik yang dibeli semata mata untuk mengetahui jenis muzik yang digilai oleh remaja tempatan dari semasa ke semasa.

Hasil dari keraguan itu, jari-jari tampak begitu mudah untuk menulis rencana. Buah fikiran membanjiri minda penulis. Daripada dua perenggan bercambah menjadi sepuluh. Dari pada satu muka surat bercambah menjadi dua dan tiga. Maka lahirlah rencana pertama yang ditulis oleh penulis selepas tujuh tahun untuk disumbangkan kepada Projek Fanzine yang diberi nama Omnibus: Homesick.

Artikel bertajuk "Remembering the Counter Culture of Fanzines" itu juga turut dimuatkan kedalam Fanzine ini. Banyak nama-nama besar yang turut menyumbangkan karya kedalam fanzine kolektif tersebut dan untuk menjadi sebahagian daripada sejarah yang sedang diukir kembali oleh saudara Nizam dan rakan-rakan, adalah satu penghargaan yang sangat hebat.

Entah dari mana semangat yang datang, rencana yang bermula daripada satu bertambah menjadi tiga dan bercambah kepada tujuh dan seterusnya. Untuk menerbitkan isu terbaru bagi Abstained Agogo Fanzine ini sentiasa menjadi inside joke kepada penulis, Faisal dan Azril setiap kali kami berpeluang bertemu mata. Namun hari ini, kami berjaya merealisasikan inside joke yang bertahun-tahun usianya ini. Penulis tidak mahu menjanjikan kepada anda bahawa akan ada isu-isu yang seterusnya selepas ini, namun kami telah belajar untuk tidak mengatakan tidak. Never say never!

The Proper Introduction:

Oleh: Hafeez Aman

Assalamualaikum dan salam sejahtera diucapkan. Sebagai pendahuluan Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada anda kerana sudi meluangkan sedikit masa dan wang ringgit untuk mendapatkan dan membaca Abstained Agogo Fanzine isu ke lapan kali ini. Penulis amat amat berharap agar anda akan terhibur dan mendapat serba sedikit maklumat melalui kandungan fanzine

dimuka muka yang akan datang selepas ini.

Selama dua bulan lamanya kami di Abstained Agogo berhempas pulas dan bertegang leher untuk menyiapkan isu kali ini. Mungkin kerana sudah lama tidak melibatkan diri didalam bidang produksi dan penerbitan fanzine secara underground membuatkan kami berasa sedikit janggal dan kekok didalam memastikan arah dan hala tuju fanzine ini. Namun kami amat amat berpuas hati apabila ianya berjaya disiapkan, girang apabila master copy dihantar ke kedai fotostat untuk dicetak dan berasa terkagum apabila salinan-salinannya berada ditangan kami. Tepukan gemuruh oleh kami kepada diri kami sendiri. Fuck yeah!

Bukan sedikit juga cabaran-cabaran yang terpaksa kami tempuhi didalam menyiapkan fanzine yang hodoh ini. Walaupun sebanyak mana pun kami mahu menyalahkan internet dan teknologi terkini kerana membunuh scene fanzine ini, kami tidak boleh menafikan bahawa tanpa bantuan teknologi ini juga kami tidak akan mampu menyiapkan fanzine ini dengan lebih cepat dari kebiasaan waktu yang kami terpaksa ambil untuk menyiapkan isu-isu terdahulu Abstained Agogo. Menyalin artikel dari cebisan-cebisan buku latihan, menggunting dan menampal semula artikel ke master copy, menyusun lay out secara tradisional. Semuanya memakan masa.

Penulis masih ingat lagi bagaimana penulis dan Azril Mohd Yatim (subeditor) semasa ingin menyiapkan isu Abstained Agogo yang kelima pada awal tahun 1999, terpaksa berulang alik hanya dengan berkain pelikat membonceng motosikal Hurricane milik Azril atau Honda C70 milik Penulis ke satu satunya Cyber cafe di kampung kami untuk menggunakan komputer. Menghabiskan masa berjam-jam menaip artikel artikel yang diperlukan untuk dimuatkan kedalam fanzine ini dahulu dan kelam kabut apabila website porno yang dibuka secara selingan tiba-tiba membuatkan komputer menjadi hang dengan gambar wanita-wanita kaukasia tanpa seurat benang terpampang jelas di monitor komputer.

Belum lagi dicampur dengan kegusaran menunggu maklum balas band-band yang ditemubual melalui Snail Mail. Namun hari ini kegusaran itu sudah boleh dikurangkan. Maklumat mengenai band-band sudah begitu mudah untuk diperolehi dihujung jari. Hanya dikurangkan, bukannya ianya tidak ada berlaku langsung. Kami masih gusar setiap kali band-band mengambil masa yang terlalu lama untuk menjawab temubual temubual kami. Namun kami terpaksa mengambil pendekatan untuk memahami kesibukan band-band ini. Some things never change.

Satu-satunya alasan kenapa kami menerbitkan semula fanzine adalah untuk mencetuskan aspirasi kepada rakan-rakan lain untuk bangun dan menulis semula dan memberi inspirasi kepada rakan-rakan yang tidak sempat mengecapi zaman kemewahan fanzine untuk bangun dan menerbitkan fanzine-fanzine mereka



Chains Of Fear menceritakan sikap seseorang yang takut mengambil risiko, commitment yang kurang, suka membuat sesuatu setengah jalan dalam apa jua bidang, sebelum mencapai kejayaan. Semua benda ini perlu di atasi dahulu dengan mengamalkan sikap tidak mudah putus asa, tidak takut mencuba dan berusaha bersungguh-sungguh.

Trailer 2011 lagu ini untuk sambungan demo 2010 ini pada tahun 2011 nanti .Nantikan rilis kami yang akan datang pada tahun depan. Kalau dalam bahasa english To Be Continued lah dikatakan..hehehe

10- Trailer 2011? Maknanya Destruction Zero sudah pun membuat persiapan untuk demo yang seterusnya?

Ya, itu title track kelima dalam demo tersebut. Kira nya macam itu lah, lagu tersebut akan di bawa ke rilis yang akan datang lagi tetapi bersuara bersama-sama dengan lagu yang baru nanti. Pasal persiapan itu ada juga sedikit. hehehe. Kira nya demo ini akan ada sambungan di tahun depan.

11- Boleh ceritakan serba sedikit mengenai scene HC di Kuching? Selain DZ, apa lagi band-band yang perlu diberi perhatian daripada Kuching?

Hardcore di kuching sekarang ini bagus.Dalam perningkatan dan dalam proses pembesaran .Lepas itu semua genre dan band di kuching unite as one scene. Oh kalau band-band lain contoh seperti : Escape The Plain View, Kurasakuasa, Traitor, Restart, Satisfactory, Deadworm, Flying White Donkey, Arsoniste, Fuzz Muff, Dance on your grave, Provision, Happily ever after, Bakteria, Daytime Drama, Love Comes, Niang, Militant Attack, Shajkul Akrak dan Cannibal Landlord (miri).

12- Setakat ini sudah berapa siri gigs yang telah dimusnahkan oleh Destruction Zero? Ada pernah mana mana band HC semenanjung datang membuat persembahan di Kuching?

Setakat ini, ada juga dalam sepuluh. Haha. Lupa juga tetapi belum banyak. Majority gig PJHC dan Disharmonic Movement. Thanks to them sebab beri peluang itu. kami menghargai mereka, dan kami berharap akan banyak lagi gig yang kami dapat main nanti. Dulu band dari johor, Reconstruct, itu sahaja band hardcore semenanjung yang pernah main di Kuching. Kami berharap akan ada band HC lain dari semenanjung ke sini bersama memeriahkan bumi Kenyalang, Kuching.

13- Kurasakuasa agak kerap juga bermain di semenanjung. Bila giliran Destruction Zero pula?

Ya ,mereka pernah. Hopefully one day nanti kami akan dapat jadi seperti Kurasakuasa juga bermain di semenanjung. Kalau ada gig di mana-mana, area Kuching atau luar Kuching contact kami melalui myspace: myspace.com/destructionzero101 Hehe. Mana tahu kalau ada rezeki, kami dapat pergi.

14- Bagaimana untuk mendapatkan demo Destruction Zero? Pasti ada yang berminat untuk memilikinya.

-Kalau ada yang berminat, boleh hubungi kami melalui myspace di www.myspace.com/destructionzero101 or email ke : destructionzero@rocketmail.com atau ashpete_89@yahoo.com atau contact number 0168088506 –Ash (Kuching,

Pengaruh kepada DZ adalah seperti Comeback Kid, Have Heart, Verse, FC Five, Champion, Strike Anywhere, Stretch Arm Strong, Rise Against, Killing The Dream, Sinking Ships, H20, Sick of it all, Agnostic Front dan Bane.

Secara individu: Aci : Rise Against, Second Combat, Strike Anywhere, Strech Arm Strong dan Comeback kid. Chrst : Have Heart, Champion, Comeback kid, Call to Preserve dan Verse. Caca : Verse, Have Heart, Fc Five, Youth of Today dan Miles Away. Ah Liang : Rise Against, New Found Glory, Verse dan Brujeria. Jerome : Deftones, First Blood, Comeback Kid dan Second Combat. Ash : Bane, Sick of it all, Set your goals, H20, Killing The Dream, 50 lions dan Terror.

6- Ada mendengar band-band tempatan?

Ada, Band tempatan yang kami dengar seperti Second Combat, Kids on the Move, Restraint, Love me Butch, Mouthful of Air, Scold, xElevenx, Channel x, Breakin'Chains, Cassandra, Butterfingers dan banyak lagi lah band tempatan yang lain.

7- Jika tidak salah, DZ baru sahaja menerbitkan rilisan yang berjudul "Revelation To Against This Circumstances". Boleh ceritakan serba sedikit mengenai rilisan ini dan aa mesej yang cubadisampaikan melalui lagu-lagu yang dirakam?

Ya, betul tu. "Revelation To Against This Circumstances" judul demo kami yang pertama. Dalam Cd tersebut mengandungi 5 tracks terdiri dari: 1.This Circumstances, 2.Revelation To Against, 3.Live Another Life, 4.Chains Of Fear dan 5.Trailer 2011.

8- Setakat ini bagaimana dengan sambutan pendengar tentang Demo tersebut? Adakah Destruction Zero berpuas hati dengan demo tersebut?

Setakat ini sambutan ok, baik juga. Kepuasan itu ada juga, disebabkan kami buat Home recording, record dekat rumah kawan. Thanks, Gary Sadar, Karlos and Dwin sebab tolong luang masa untuk tolong kami dalam proses merekod ini. Dan member-member lain yang membantu sedikit sebanyak. Pasal ketidak puasan hati itu ada juga, sebab kita semua mahu something better bila sudah mendengar demo band lain yang lebih cantik output nya. So we hope next rilis kami nanti, akan lebih bagus lagi hasilnya dari sekarang. Kami akan usahakan.

9- Boleh huraikan serba sedikit tentang lagu-lagu didalam demo tersebut?

Dalam lagu *This Circumstances* menceritakan situasi kehidupan manusia dalam kesusahan yang hanya di hidangkan dengan peperangan di sebabkan oleh sikap pemimpin negara tersebut ,akhirnya rakyat yang mati disebabkan perbuatan pemimpin mereka.

Revelation To Against menyampaikan sesuatu berlaku di sekeliling kita,tanpa kita sedari yang kita selama ini di pergunakan untuk keuntungan hak individu tersebut untuk mengejar keuntungan sendiri,dengan nama/pangkat dan kekayaan dia merosakkan hidup orang lain dan dengan nama/pangkat dan kekayaan yang ada padanya juga digunakan untuk menlindungi diri dari di salahkan di mata pihak berkuasa.

Live Another Life pula menceritakan penipuan yang berlaku, janji kosong yang kerap di terima. Aksi hipokrit, mulut manis yang selalu berkata-kata depan kita.

sendiri. Sekiranya kami mampu lakukannya maka tidak ada alasan untuk anda tidak mampu melakukannya. Sekiranya fanzine ini memerlukan objektif, misi dan visi maka itu adalah objektif, misi dan visi kami.

Penulis pernah membaca satu pepatah yang menyebut bahawa seorang penulis sangat benci untuk menulis tetapi sangat gembira apabila penulisannya berjaya disiapkan. Perasaan apabila fanzine ini berjaya disiapkan sememangnya tidak dapat kami bayangkan atau luahkan dengan kata-kata. Anda perlu melaluinya sendiri untuk merasainya. Segala penat lelah terasa sangat berbaloi. Sehingga pada penulis secara peribadi, sekiranya fanzine yang sudah disiapkan ini tidak dijual sekalipun tidak mengapa. Biar sahaja menjadi koleksi peribadi. Kepuasan diri pada akhirnya adalah jauh lebih penting.

Didalam proses menyiapkan fanzine ini, ianya seolah olah membawa kami kembali kepada zaman-zaman awal apabila mula-mula kami melibatkan diri didalam scene lebih 13 tahun dulu. Melalui fanzine ini kami dapat berkenalan dengan rakan-rakan baru untuk bertukar pendapat atau hanya untuk minum petang dikala kebosanan. Tak ubah seperti 13 tahun dahulu. Berkenalan secara peribadi dengan Mixart dari Personal Control System ataupun rakan rakan dari Thy Regiment sememangnya sangat berharga kepada penulis.

Scene bukan sekadar menjadi medium untuk berhibur dengan muzik-muzik kegemaran masing-masing malah seharusnya menjadi medan untuk berkenalan dengan rakan-rakan baru untuk bertukar fikiran, medan untuk mempelajari sesuatu yang baru yang diluar pembelajaran tradisional dan mengisi masa dengan sesuatu yang lebih produktif daripada hanya membuang masa berpeleseran tanpa tujuan di pusat beli belah terkemuka menunggu masa untuk membuat onar sambil melaungkan perkataan Riot!.

Masyarakat tidak akan mengubah persepsi mereka terhadap muzik seperti Hardcore, Punk Rock atau Metal. Ianya akan kekal sebagai muzik sampah di mata masyarakat yang kononnya civilised itu. Hanya kita sahaja yang boleh mengubah persepsi mereka dengan menganjak diri kita sendiri kearah sesuatu yang lebih baik sebelum boleh mendabik dada dan melaungkan fuck you kepada masyarakat. Hanya diri kita sendiri.

Sementara peluang masih ada, maka ambil lah peluang ini dengan memberikan sumbangan anda kepada scene. Sudah tiba masanya untuk menjadikan scene sebagai satu medan intellectual discourse seperti yang pernah dilaluinya suatu ketika dahulu dan bukan setakat medan untuk bersosial serta mencari jodoh semata-mata.

Walau apa pun, kami sekali mengucapkan berbanyak terima kasih kerana mendapatkan naskhah yang berada di tangan anda pada hari ini. Semoga ia memberi sedikit alasan kepada anda untuk menganjak paradigma anda untuk sama sama memeriahkan kembali scene fanzine tanah air. Kita mulakan pengembaraan ini.

We had fun doing this and we hope that you'll have fun reading it.

ABSTAINED AGOGO IS:

Hafeez Aman

Azril Yatim

Faisal Dhani Ahmad



Untuk sesi temubual yang pertama kami ingin memperkenalkan Collages. Sebuah band Hardcore dengan lebih lirik-lirik emotional dan personal. Namun jangan pandang dengan sebelah mata, lagu-lagu mereka sangat menarik dan kami di Abstained Agogo sangat menyukainya. Kita bersama dengan Nik Hanif selaku vokalis untuk Collages. Read on!

1- Boleh perkenalkan diri dan boleh cerita serba sedikit tentang ahli-ahli dan juga sejarah Collages?

Collages ni terdiri daripada 5 orang ahli, saya Nik Hanif sebagai vokalis. Rizan sebagai 1st Guitar, Hazim 2nd Guitar, Kenet bassist dan Pali sebagai drummer. Kami berasal daripada Puchong, Selangor. Collages ni ditubuhkan pada hujung 2009.Masa tu, Rizan dgn Hazim bercadang utk membuat band hardcore jadi mereka jugak time tu tgh mencari line up, saya mencuba nasib saya utk menjadi vokalis.haha. kami approach kenet utk bermain bass,lalu dia bersetuju.tak lama kemudian Pali mula bermain utk Collages. Kami berlima berasal daripada musical influences yg berbeza dan masing2 juga pernah bermain band lain sebelum ini. Pali daripada Second Combat, Kenet juga daripada Kias Fansuri. Saya dan Rizan pernah bermain utk Have a Nice Death. Untuk Hazim pula, ini first time dia bermain band dan ini juga first time saya sebagai vocalist.

2- Menilai daripada 4 lagu yang diperdengarkan di Myspace Collages, susunan lagu lagu Collages kedengaran fresh, menarik tapi dalam pada masa yang sama garang dan beremosi. Boleh ceritakan serba sedikit tentang lagu-lagu tersebut?

Kami cuba mengabungkan idea yg berlainan utk menghasilkan sesuatu yg lain. Influence kami terdiri daripada band seperti The Carrier, Carpathian, Lighthouse dan sewaktu dengannya. Kami cuba membuat muzik yang ada element heavy tetapi juga melodic. Bagi saya dan Rizan ini adalah experience yang baru utk membuat muzik hardcore yang lain kerana kami lebih kepada genre metalcore *[saya tidak suka metalcore. Terlalu generic. Haha -ED*]. Band yg seperti The Ghost Inside, Misery Signals dan Bury your dead adalah salah satu band yg kami minati. Kami cuba membawa influence berbeza dari bandmates untuk menjadikan sesuatu yg berbeza. Tema band kami dan konsep lagu kami adalah berunsurkan progression chord yg dark dan juga melodic.

3- Memang lagu-lagu Collages kedengaran agak berat dan dark. namun penulis sukakan penambahan bahagian-bahagian perlahan dan mellow sebagai contoh di pengakhiran lagu "Control" dan permulaan untuk lagu "Apathy". Pertukaran mood yang drastik. Siapa yang memberi idea untuk bahagian-bahagian ini? Boleh saudara ceritakan sedikit proses pembuatan lagu-lagu Collages?

Rizan selaku gitaris kami yg menulis lagu lagu tersebut. Lagu kami diinfluence orang iaitu Archi, Crist, Jerome, Ah Liang, Caca dan Ash.

2- Boleh saudara ceritakan sedikit tentang sejarah penubuhan Destruction Zero? Bagaimana DZ boleh tertubuh?

Destruction Zero di tubuhkan pada tahun 2007. Masa itu DZ hanyalah sebuah side project band sahaja. DZ ditubuhkan hanya untuk jamming bersama kawan dan adik beradik. Pokoknya, kami memang berkawan sejak kecil lagi sebab tinggal di kawasan perumahan yang sama di Batu Kawa. Kami juga mempunyai hobi yang sama iaitu skateboard. Dari situ lah kami mula berjinak-jinak dengan music punk yang biasa di dengar dalam video skate. Dari situ juga kami mula berminat untuk menubuhkan band ala-ala skate punk. So kami berpakat, tubuhkan band dengan lagu seperti di dalam skate video. Sebab zaman itu terfikir kalau one day nanti buat skate video, dapat juga promote video skate dengan pakai lagu sendiri dalam video skate itu. Malangnya video skate itu masih belum menjadi sampai sekarang hahaha...tetapi akan cuba buat lah one day nanti mana tahu kan? Janji ada usaha semua boleh dapat. Tetapi before ada usaha minat perlu ada. Semuanya mula dari lagu ala-ala skate punk yang menyuluh jalan untuk kami berminat bermain Hardcore Punk sampai sekarang. Sebenar panjang lagi cerita tentang penubuhan band ini, tapi kalau nak cerita semua sampai esok pun takkan abis. Hehehe. Pada tahun 2008, kami menyertai Kuching Jamm Bands yang diadakan pada tarikh 2 February 2008. Disitu lah DZ punya titik permulaan sebenar. Thanks to Disharmonic Movement yang membuka peluang ini untuk band yang baru-baru pada masa itu.

3- Oh, anda semua bermain skateboard? Bagaimana dengan skatescene ini tempat anda, Kuching? Meriah?

Ya main. Scene skateboard sini ok, dapat tengok skaters bermain skate dekat shop lot dan taman di kawasan perumahan di sekitar sini. Kalau Kuching, memang la meriah. Tetapi kami tidak ada skatepark yang sesuai dekat sini. Ada satu-satunya skatepark dekat sini pun measurement tidak betul, orang yang buat skatepark itu buat suka hati saja janji ada bertapak berdekatan stadium negeri, dah siap cukup. Tapi sunyi cos jarang orang main di sana. So we hope Kuching akan mempunyai skatepark yang bagus nanti. Macam di tempat-tempat lain. Senang lah skaters dekat Kuching bermain dan berjumpa. Kalau buat indoor punya lagi bagus. Dapat buat gig dekat skatepark tu. Hehehe.

4- Boleh ceritakan serba sedikit tentang muzik DZ? Sejauh mana Hardcore memainkan peranan didalam muzik DZ?

Pasal music ini, music DZ lebih ke arah melodic new school Hardcore Punk. Di sebab mesej-mesej positive yang ada dalam lyric hardcore contoh nya seperti menghargai persahabatan dan semangat setiakawan, cintai haiwan dan alam sekitar walaupun kami bukan straight edge, dan tidak ketinggalan semangat D.I.Y.F.F (Do It Yourself Friends & Families) yang telah kami terapkan ke dalam DZ. Sebab kalau tanpa kawan-kawan dan family, sudah tentu kita takkan berjaya dalam apa saja yang kita buat dan minat.

5- Bagaimana dengan pangaruh kepada DZ dan setiap anggota DZ secara individual?

bagi aku united front satu rekod label hardcore yang banyak membantu dan memuaskan.lagi pun united front ne ditubuhkan atas dasar persahabatan dan pada minat muzik yang sama dan kami dah kenal mengenali antara satu sama lain dari zaman "one voice studio" kat klang lagi.zaman-zaman starbuck klang .

12- Setiap band Hardcore pasti akan menyanyikan sesuatu yang positif didalam lirik lagu mereka. Adakah ini boleh menyekat kreativiti expression band-band HC?

Bagi Eleven kami luahkan apa yang terkandung dalam permikiran kami. Apa yang kami fikir benda tu betul kami akan cuba sampaikan pada crowd. kalau bukan band-band Hardcore yang sampaikan message-message yang positive, siapa lagi yang nak sampaikan? Tapi semuanya terpulang pada individu itu sendiri.

13- Maksud saya, sekiranya band HC tertumpu kepada lirik lirik yang bermesej dan politikal, adakah ini akan menyekat sesebuah band HC untuk menggunakan lirik lirik yang bertemakan bukan politik sebagai contoh lirik cinta atau keretakan rumahtangga pemain drum.

bagi aku sebagai sebuah band hardcore kita kena la buat lirik-lirik tentang isu-isu semasa sebab band hardcore lah yang kena cerita hal-hal macam ne.kalo bukan band hardcore yang cerita sapa lagi nak cerita.tapi bagi aku tak salah jugak kalau kita nak tulis lirik pasal cinta,cinta salah satu perasaan manusia.apa salahnya buat lirik cintakan family,girlfriend,kawan dan apa yang kita sayang.

14- Apa perancangan masa hadapan Eleven?

perancangan masa hadapan kami,kami nak habiskan tour asia (korea,japan,philipine,vietnam..etc) bagi semua orang tau lagu-lagu eleven,rekod lagu baru dan release album baru...insyaallah!

15- Terima kasih kami ucapkan kepada Bart dan ELEVEN kerana sudi meluangkan masa untuk menjawab temubual ini. Kami mengucapkan selamat maju jaya kepada ELEVEN. Ada kata kata terakhir buat pembaca?

kata-kata terakhir dari aku,aku harap korang berpuas hati dengan jawapan-jawapan aku.kalo ada tersilap kata terkasar bahasa.aku minta maaf dari hujung rambut sampai hujung jari kaki.so kalau eleven ada show datang la support kami.kami amat menghargainya.kepada yang berminat nak beli merch eleven boleh check kat myspace eleven.last sekali sempena nak menyambut bulan ramadan ne eleven nak ucapkan selamat menyambut ramadan al-mubarak dan selamat hari raya aidilfitri maaf zahir batin buat semua pembaca. stay clean & stay posi!!

[END]



1- Boleh perkenalkan diri dan current line up Destruction Zero?

Hai saya Ashley atau ash. Current line up Destruction Zero (DZ) sekarang ada 6 daripada band seperti the carrier, have heart dan carpathian dan rizan seorang yg meminati band seperti misery signals,7 angels 7 plague dan sewaktu dgnnya. kami cuba untuk menambahkan part-part melodic untuk membuat kelainan di lagu kami. [*Percubaan yang agak berjaya pada hemat saya -ED*]

4- Lagu-lagu didalam Myspace tersebut saya kira liriknya lebih personal. Kenapa?

Lirik2 yang saya tulis itu memang personal. Saya mencari sesuatu konsep yang beremosi.bukannya saya ni senang emosi.haha. tetapi saya ingin sesuatu konsep yang berbeza. Lirik2 utk Demo tersebut saya tulis tentang depression [*Depressive Black Metal dalam bentuk Hardcore? Heaven in Her Arms Rules -ED*].

5- Tema depression? ianya suatu yang baru bagi penulis. Kerana kebanyakan band band HC yang lain lebih banyak menampilkan mesej mesej positif didalam lirik mereka unless band itu adalah band emotional hardcore. Kenapa Collages memilih tema ini dan untuk saudara selaku penulis lirik, apa yang cuba hendak disampaikan kepada pendengar?

Ya benar byk band2 hc yg lain lebih menampilkan mesej2 positif di dalam lirik mereka. Saya memilih tema depression kerana muzik yg disampaikan oleh collages juga mempunya mood2 yg garang dan beremosi. Kebanyakkan influence saya lebih kepada muzik2 yg liriknya agak beremosi. Saya hanya menceritakan apa yang saya lalui secara personal dari segi baik dan buruk.

6- Bagaimana dengan tema politik?

Saya kalau boleh tak mahu sentuh tentang tema politik kerana saya rasa sgt naif untuk saya menulis tentang sesuatu yang saya sendiri pon tiada knowledge yg mendalam sgt. Bagi saya, saya tidak mahu mengambil peduli sgt tentang hal2 politik dunia.bukannya semua benda saya tentang ataupun support. dunia ini mmg tak pernah adil. so deal with it.hehe

7- Setakat ini sudah berapa rilisan yang telah diterbitkan oleh Collages? Adakah terdapat perancangan untuk rilisan-rilisan terbaru?

Setakat ini baru satu sahaja rilisan Collages iaitu Demo kami dengan 4 lagu yg ada di Myspace. Kami bercadang untuk meriliskan EP pada hujung tahun ini dengan 6 lagu yg telah dikarangkan setakat ini.

8- Setakat ini bagaimana dengan sambutan peminat-peminat HC terhadap lagu-lagu Collages?

Setakat ni kami rasa sangat bersyukur sebab kawan2 kami dan pendengar memberi feedback yang positif. still a long way to go dan kami masih dalam proses pembelajaran lagi.

9- Collages kini sedang giat melakukan persembahan pentas. Ada pengalaman menarik untuk dikongsi bersama pembaca? Ataupun pengalaman pahit mungkin.

herm so far ni kami baru sahaja main 6 show. bagi saya ini adalah satu fresh start utk kami semua. kami berterima kasih dgn kawan2 yang support kami. pengalaman yg pahit, adalah di satu show di equal studio,kajang. masa tu saya tak sihat dan juga kena asthma attack. jadi saya terpaksa bertahan sewaktu perform.haha.kami look forward utk south

coast tour Thy Regiment/Collages pada bulan 8 dan 9 akan dtg.

10- Asthma attack? Haha. Bagaimana saudara bertahan sedangkan penulis kira untuk menyanyikan lagu lagu HC memerlukan nafas yang mencukupi serta kekuatan kerongkong yang maksima? Ada menggunakan ubat sedut diatas pentas? Hahaha.

Yeah saya mmg asthmatic. terpaksa lah saya bertahan di atas stage bila tak cukup nafas. bukan semua performance saya rasa begitu. hanya dua kali sahaja saya dapat asthma attack time perform.masa tu saya mmg sakit.hehe. tapi bagi saya,saya masih tak give up dan ingin mengimprovekan diri saya. take it as a challenge :) [*jangan pengsan atas stage sudah bro -ED*]

11- Apa pendapat Collages tentang scene Hardcore tempatan hari ini? Apa perubahan-perubahan yang saudara sendiri ingin lihat berlaku didalam scene HC tempatan?

Bagi saya scene Hardcore tempatan hari ni bagus mmg bagus. Semakin banyak band2 international yg ada nama dtg ke KL untuk membuat show. Budak2 skrg pon lebih meminati genre Hardcore. Berbandingkan beberapa tahun lepas, scene hardcore tempatan sekarang sudah jauh lebih meluas. biasalah ada pro dan kontra nya bila zaman dah berubah.

12- Kami di Abstained Agogo Fanzine mengucapkan selamat maju jaya kepada Collages, ada kata-kata terakhir buat pembaca?

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada kawan-kawan yang menyokong kami dan juga pendengar2 yang sudi mendengar lagu kami. Semoga scene Hardcore terus maju :).

Kami mengucapkan jutaan kepada Nik Hanif dan Collages kerana sudi meluangkan masa bersama kami. Try and contact this awesome guy. One of the first few people who answered the interview with out any hesitation. Salute! Reach Collages through www.myspace.com/thiscollages

[END]



Remembering the Counter-Culture of Fanzines:

Oleh Hafeez Aman (Abstained Agogo Fanzine/Cintakan Aman Newsletter)

Adalah sesuatu yang sangat mengujakan apabila penulis melihat masih ada lagi mereka-mereka diluar sana yang masih berkecimpung didalam bidang penulisan dan pembuatan fanzine. Kudos kepada editor-editor fanzine yang masih gigih membudayakan semula fanzine kedalam hati masyarakat punk hardcore tempatan. Syabas. Nama saya adalah Hafeez Aman dan ini adalah percubaan pertama saya untuk menulis sesuatu untuk sebuah fanzine selepas 7 tahun.

24/7. Hahaha. Then after tour habis mula lah kerja balik macam biasa. So far sambutan menggalakkan tetapi bergantung pada show tu juga. Kadang-kadang ramai, kadang-kadang sikit. Itu semua tak penting. Yang penting kami dapat sampaikan message yang kami nak sebarkan dan crowd enjoy dgn setiap show yang kami main. Kami tetap akan perfom 110%.

7- Wah. FC Five dan Miles Away bukanlah band yang calang-calang. Kedua-dua band ini banyak menjadi influence kepada band-band tempatan hari ini. Bagaimana tour tersebut boleh berlaku?

ya betul! Sebenarnya tour ne memang sudah dirancang lama.tapi tidak berkesempatan kerana fc five dan miles away tak tour asia.diaorang sibuk tour usa dan europ.jadi bila aku contact hiro "fc five" then dia cakap nak tour asia dengan miles away jadi kami happy la...then terus book show & enjoy !!



8- Agaknya, sekiranya tour seperti itu berlaku secara kerap, adakah mungkin Eleven akan menjadi karier sepenuh masa? Adakah bayarannya memuaskan?

ya betul,kalau tour macam ne berlaku kerap pasti kami tidak dapat fokus pada life dan family kami.tapi semua tu boleh dirancang dan bergantung pada kerjasama setiap lineup.kalau semua lineup setuju boleh la tour tapi kalau ada masaalah kami tangguh di lain masa.pasal bayaran bagi kami tidak pentingkan sangat.yang paling penting show dan sambutan crowd masa kami perfom itu yang paling penting.disamping itu kami dapat menyampaikan message kami pada crowd.

9- FC Five dan Miles Away ada memberi komen terhadap persembahan Eleven atau band-band dari Malaysia? Jika ada, boleh dikongsikan disini?

sebenarnya masa kami tour bersama "fc five dan "miles away" diaorang banyak membantu dan juga memberi komen-komen yang baik dari segi alat-alat muzik dan sound.walaupun mereka band besar tapi mereka rendah diri dan banyak membantu.kami tour bersamakan tak kan nak berlagak pulak .senang cerita diorang best gila!!

10- Setakat ini Eleven bersama dengan United Front. Bagaimana mereka boleh menunjukkan minat? Ada tawaran daripada label luar negara?

Ya tepat sekali! Sebenarnya United x Front Record adalah rekod label kawan-kawan. Eleven bersama United x Front dari mula-mula Eleven ditubuhkan lagi. Kami tak bercadang nak tukar rekod label buat masa ini. Kami senang dengan mereka. Offer dari rekod label luar memang ada tapi kami hold dulu coz Eleven rasa lebih baik kami tumpukan pada scene Malaysia dulu. Then baru fikir international betul tak? Kita naikkan scene kita dulu bro.

11- Apa pendapat peribadi Bart tentang UnitedXFront?

Dalam tahun 2009 sekali lagi pertukaran line berlaku. Chacha, Padly dan Daus M keluar dari Eleven untuk beri fokus pada band masing-masing. Jadi line up terbaru adalah aku, Jaa, Atoq, Ady dan Dean.

3- Rata-rata, berapa umur anggota kumpulan ELEVEN? Semuanya sudah bekerja mungkin?

Umur lineup eleven ne semuanya masih muda bergetah-getah lagi ranum,bak kata orang-orang tua..haha.umur aku 26 tahun,ja'a 25 tahun,atoq 26 tahun,ady 27 tahun dan dean 25 tahun.ya semuanya sudah berkerja.



4- Shattered Hope adalah EP pertama Eleven. Boleh terangkan sedikit mengenai setiap lagu-lagu yang terdapat didalam EP tersebut?

Yes! EP Shattered Hope mengandungi 8 lagu. Lagu "Shattered Hope" kalau baca pada lirik, kami lebih fokus pada penderaan kanak-kanak yang berlaku sekarang. Aku tengok hal ini macam satu benda yang tak penting dan masyarakat hanya pandang sebelah mata. kanak-kanak yang didera ini akan jadi fobia sampai dewasa. Macam mana mereka nak bagi tahu bahawa mereka di dera? Kita yang kena tolong mereka. Jadi aku rasa isu ini wajib diketengahkan. Lagu "Holy Oil" pulak lebih kepada peperangan minyak yang banyak membunuh manusia. Pasal minyak sahaja beratus ribu manusia terkorban akibat perang dan kebuluran. Mereka semua tamak. Lagu "We are Still Strong", kami lebih fokus pada persahabatan.Sebenarnya dalam lirik-lirik Eleven kami banyak bercerita pasal isu-isu semasa, persekitaran, persahabatan dan juga Straight Edge. kalau hendak tahu lebih lanjut, beli CD kami dan baca lirik dia.

Lagu-lagu adalah seperti berikut:

1)shattered hope 2)we are still strong 3)holy oil 4)what we live for 5)fake as you 6)value of life 7)setting my self straight 8)till the end

5- Ada lagu tentang Straight Edge? Saya kira kesemua anggota ELEVEN adalah SxE?

ya,lagu "setting my self straight".buat masa ne cuma ada 4 orang straight edge dalam eleven.ady bukan straight edge.straight edge atau tidak kami tak kisah kerana straight edge itu sendiri pilihan individu.

6- Bagaimana dengan persembahan pentas? Sudah berapa persembahan pentas yang Eleven sudah jayakan? Bagaimana dengan sambutan peminat HC?

Persembahan pentas kalau hendak dikira memang tak terkira. Aku rasa aku pun sudah lupa. Maklum lah, dah berusia...haha. Apa yang kami tak dapat lupakan bila dapat tour dengan band "FC Five" dari Jepun dan " Miles Away" dari Australia. Walaupun mereka adalah band-band yang besar tapi yang bagusnya mereka tak berlagak dan sangat rendah diri. Kami tour Indonesia, Singapore dan Malaysia. Kami main dalam 6-7 show. Masa tu budak-budak semua macam dah tak nak kerja. Macam nak teruskan tour

Terdapat era dimana menggelarkan diri atau digelar editor fanzine adalah sesuatu yang hebat, gah dan pada suatu masa, trendy. Setiap tempat yang mempunyai penempatan punk hardcore pasti mempunyai dua elemen penting ini dan salah satu daripadanya ada fanzine. Setiap orang mahu menjadi editor fanzine.

Status sebagai seorang editor fanzine sedikit sebanyak menobatkan seseorang itu sebagai "*somebody*" didalam scene Punk hardcore dan ini pernah menyebabkan scene tempatan dibanjiri dengan beratus-ratus fanzine yang tidak berkualiti apatah lagi fanzine-fanzine yang diterbitkan oleh remaj-remaja yang baru hendak bertatih didalam scene Punk Hardcore.

Ianya adalah waktu yang sangat menyeronokkan buat penulis dan *Ahmad Faisal Othman* yang pada masa itu masih didalam fasa *Politically Correct* kami. Namun manusia bukanlah malaikat dan tidak akan selamanya bergelar syaitan. Pada penghujungnya, ia merupakan platform untuk belajar dan untuk menjadi lebih matang. Semua orang bermula sebagai *Poseur*.

Dari satu sisi yang lain, kebanjiran ini seharusnya dilihat sebagai sesuatu yang positif kerana paling tidak, remaja-remaja ini tidak duduk berdiam diri. Paling kurang, falsafah fundamental dibelakang terma Punk Hardcore itu telah terkesan kedalam scene tempatan. Apakah falsafah fundamental tersebut? Falsafah ini dikenali umum sebagai *DIY*.

Bukan sekadar itu, mempunyai second editor juga sedikit sebanyak menjadi trend pada masa tersebut. Mungkin itu sebabnya penulis menjemput *Azril Mohd Yatim* dan *Ahmad Faisal Othman* menyertai penulis sebagai penulis dan editor ketika penulis menulis untuk *Abstained Agogo Fanzine* 10 tahun dahulu. Haha. Tapi ternyata fanzine yang hebat bukanlah selalunya fanzine yang mempunyai "*crew*" dibelakangnya.

Membaca fanzine pernah menjadi sesuatu yang menyeronokkan sebelum datangnya gelombang "*anarko*" yang mempengaruhi scene fanzine pada sekitar tahun 2000 dan selepasnya. Isu-isu politik arus utama adalah sangat minimal terutama bagi fanzine-fanzine yang diterbitkan pada awal 90an dan pertengahan 90an. Isu-isu punk hardcore lebih mendominasi konten-konten fanzine-fanzine yang pernah dibaca oleh penulis sewaktu pertama kali didedahkan dengan scene fanzine seperti *Pang, Sufferage, Network, Chronically Donut, 90's Choice* dan *Out of Step* sekadar menyebut beberapa nama.

Fanzine-fanzine yang diterbitkan pasca tahun 2000 masih lagi kekal dengan orientasi reader friendly. Ini dapat dilihat pada kandungan fanzine-fanzine yang diterbitkan pada waktu itu seperti *Maximum Think, Rain City, Oldskull, Aaargh!, Thinking Str8, Circa Melee, Mosh, Roots* dan *Think Smart Act Blur* sekadar menyebut beberapa nama.

Fungsi asal fanzine adalah sebagai medium promosi. Zine-zine terawal seringkali ditebalkan dengan temubual bands atau editors (satu lagi sebab untuk menjadi editor fanzine), biografi bands, laporan scene, laporan gigs, ulasan demo dan fanzine dan juga tampalan kertas-kertas kecil yang dipanggil *flyers*.

Gelombang anarko menyerang scene fanzine pada sekitar tahun 2000 dan secara tiba-tiba kandungan-kandungan fanzine pada masa tersebut menjadi lebih serius dan lebih beragenda. *Broken Vision* merupakan template dan acuan utama fanzine-fanzine post 2000. Fanzine-fanzine

yang lebih serius seperti *Sebutir Bintang Merah, Periodical Dissonants* dan *DRSA* mula bergentayangan dan berleluasa seperti mana berleluasanya band-band crust pada masa itu.

Fanzine-fanzine menjadi begitu radikal sehingga pada penulis, ianya mencapai satu tahap yang, with all due respect, absurd dan membosankan. Ia mungkin menyeronokkan pada awalnya namun pada akhirnya apabila hampir semua konten fanzine-fanzine yang wujud pada ketika itu berkisarkan kezaliman dan korupsi kerajaan, ianya memadamkan keseronokan itu. *Abstained Agogo* dan *Cintakan Aman* pada masa itu juga tidak ketinggalan menaiki band wagon yang kelihatan tampak bergaya ini. Isu terakhir *Abstained Agogo* langsung tidak menyentuh tentang scene Punk Hardcore dan penulis tidak langsung berasa hairan kenapa ianya telah menjadi isu yang terakhir.

Pada tahun 2003 dan seterusnya, fanzine scene menjadi semakin suram dan semakin dilupakan. Satu demi satu fanzine-fanzine yang dahulunya gah akhirnya hilang dan diberhentikan penerbitannya. Seperti berakhirnya pergerakan *Hardcore* di *Amerika Syarikat* pada tahun 1986, scene fanzine di Malaysia terus jatuh merudum dengan sekelip mata, seolah-olah seperti tidak pernah wujud.

Api keseronokan untuk menerbitkan fanzine yang selama ini membakar jiwa-jiwa remaja minor threat dan bad brains itu akhirnya beransur padam dan perkembangan teknologi internet seperti *blog* sedikit sebanyak membantu mempercepatkan kepupusan budaya fanzine untuk menjadi seperti apa yang dapat kita lihat pada hari ini.

Namun, masih terdapat beberapa nama lama dan baru yang masih berjuang untuk membudayakan kembali fanzine didalam scene tempatan. Nama-nama ini masih jitu dengan passion mereka untuk menulis dan menyebarkan fanzine-fanzine mereka walaupun sambutan sudah tidak lagi sehangat sewaktu fanzine dianggap sebagai salah satu dari dua tiang sesebuah scene itu. Adakah budaya fanzine akan kembali seperti dahulu? Adakah kita akan dapat melihat remaja-remaja hari ini berebut-rebut untuk mengeluarkan fanzine mereka seperti yang pernah berlaku 10 tahun dahulu?

Hanya masa yang akan menentukan.

[END]

hanya akan menjadi sebuah bandar industri yang membosankan. Sekiranya Minor Threat tidak berpecah dan Ian MacKaye tidak menubuhkan Embrace, mungkin Revolution Summer tidak akan berlaku dan Emocore dan My Chemical Romance anda hari ini tidak akan wujud.

Kita juga perlu memahami bahawa setiap orang dibekalkan dengan bakat-bakat yang berlainan. Sekiranya anda tidak mahir menulis rencana, anda sentiasa boleh membantu editor mengadakan temubual atau merekacipta grafik dan kolum. Sekiranya anda tidak boleh bermain alat muzik, anda boleh menyanyi. Percayalah, anda tidak memerlukan bakat yang besar untuk menyanyi bagi sebuah band Hardcore Punk.

Mungkin anda boleh membantu band dengan menulis lirik atau sekiranya terlalu kaya, anda boleh membantu rakan-rakan anda menerbitkan demo demo mereka. Penganjur gig, buka distribution services (Distro), melukis logo atau kerjaseni, jual merchandise, cetak baju ataupun membantu mempromosikan rakan rakan anda. Membantu rakan rakan mengangkat gitar juga boleh dikira sebagai satu contribution kepada scene.

Pokok pangkalnya, lakukan sesuatu. Anda tidak tahu bila dan dimana kemahiran-kemahiran yang anda dapat semasa memberi sumbangan kepada scene, akan diperlukan suatu hari nanti di luar dunia Hardcore Punk. Penulis menyarankan semua ini bukan semata mata saranan berdasarkan cakap-cakap kosong, tetapi berdasarkan pengalaman.

Salah satu faktor yang mendorong Penulis untuk menceburi profession yang Penulis ceburi pada hari ini adalah kerana minat menulis dan membaca yang disemai ketika menjadi sebahagian daripada Hardcore Punk scene. Minat untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang sistem mendorong Penulis untuk memilih jurusan yang membawa kepada dimana penulis berada pada hari ini. Ianya tidak akan menjadi lebih realiti daripada itu.

Jadi? Apa tunggu lagi?

[END]



1- Boleh perkenalkan diri dan anggota kumpulan Eleven?

Nama aku Bart. Line up yang terbaru adalah aku vokal, Jaa - gitar 1, Atoq - gitar 2, Ady - bassist dan Dean drum.

2- Boleh ceritakan sedikit sebanyak tentang bagaimana Eleven ditubuhkan?

Bro, Eleven ditubuhkan padal awal tahun 2003. Sebenarnya kalau nak mula cerita dari band ni baru ditubuhkan agak susah jugak nak diceritakan, sebab Eleven banyak kali buat pertukaran lineup. Tapi tak apa, aku cuba ingatkan sedikit sebanyak. Line up asal adalah Rush, Hafiz, Ja'a, Padly & Man. Atas sebab - sebab yang tak dapat dielakkan, Rush, Hafiz dan Man telah keluar dari Eleven. Jadi Padly dan Jaa teruskan Eleven dengan mengambil aku sebagai vokal, Chacha untuk drum dan Daus M sebagai bassist.

sebenarnya lebih Hardcore Punk daripada kami semua. Kudos, sir.

[END]

Get Up and Just Do it. The Scene Needs You.

Oleh: Hafeez Aman

Hardcore Punk adalah tindakan. Action. Ia menggesa anda untuk bangun dan melakukan sesuatu. Ia tidak harus selalunya sesuatu yang radikal seperti demonstrasi jalanan ataupun membaling bom molotov ke sana sini. Ia tidak semestinya sesuatu yang komplikated. Menubuhkan band ataupun menerbitkan majalah secara underground adalah sesuatu yang tidak terlalu sukar. Sesiapa sahaja boleh melakukannya. Yang paling penting adalah untuk anda keluar dan melakukannya. Dari situ maka lahirlah idea DIY (Do-It-Yourself). Lakukannya sendiri. Namun sebelum anda melakukannya sendiri, anda perlu mahu untuk melakukannya sendiri. Kata kunci disini adalah kemahuan.

Kualiti? Usah terlalu gusarkan kualiti dan usah biarkan masalah kualiti untuk menghalang anda untuk melakukan sesuatu yang anda mahu lakukan. Kita pasti akan dewasa dan pasti akan bertambah matang. Semua orang bermula sebagai poseur dan semua orang bermula sebagai wannabes. Semua orang bermula dengan keinginan untuk menjadi seperti apa yang mempengaruhi mereka. Black Flag bermula kerana terpengaruh dengan The Germs. Seluruh scene Hardcore bermula kerana pengaruh Black Flag. Ianya sesuatu yang normal untuk terpengaruh.

Apabila Hardcore bermula pada tahun 1980 dengan band-band yang prominen dan penting seperti Black Flag, Circle Jerks dan Bad Brains, semua orang ingin menjadi seperti mereka dan ingin melakukan apa yang mereka lakukan. Semua pemain gitar ingin bermain selaju Ginn atau seteknikal Dr.Know. Semua ingin meniru lagu-lagu punk rock yang lebih intense yang diperkenalkan oleh band-band terawal ini. Terbitlah peniru-peniru seperti SSD, Teen Idles, Beasty Boys, Government Issue, Dead Kennedys ataupun Husker Du. Ya! Idola-idola anda bermula sebagai peniru. Namun band-band ini juga evolve untuk mencipta trademarks mereka sendiri.

Penulis memulakan Abstained Agogo pada penghujung tahun 90an kerana ingin meniru Out of Step Fanzine. Sekiranya bukan disebabkan keinginan untuk meniru tersebut, mungkin apa yang anda sedang baca sekarang ini tidak akan wujud. Mungkin Abstained Agogo hanya akan menjadi sebuah blog yang membosankan.

Apa yang membezakan seorang Punk Rocker yang sebenar dan seorang Poseur adalah seorang Punk Rocker evolve manakala sang Poseur akan hanyut dengan trend trend terbaru yang seterusnya. Mana-mana isu terawal fanzine-fanzine yang hebat sekalipun tidak semestinya bagus. Kadang-kadang, ada yang sesuai hanya untuk ditong sampahkan (seperti setiap isu fanzine ini). Kata kunci adalah evolve kearah yang lebih baik.

Hinggakan Black Flag, Bad Brains dan Minor Threat juga evolve. Sekiranya Black Flag tidak evolve dengan mengeluarkan album-album Hardcore yang sedikit "perlahan" dan "membosankan" seperti In My Head atau Loose Nut, mungkin muzik grunge tidak akan wujud dan Seattle



Scene di Terengganu semakin aktif dengan band-band yang sangat rajin dan salah satu daripada band tersebut adalah Sneaky Sniper. Walaupun mempunyai moniker yang agak lucu tetapi Sneaky Sniper memainkan muzik Hardcore yang intense. Kita bersama Wan mewakili Sneaky Sniper untuk menjawab beberapa soalan mengenai band beliau. Silakan!

1-Boleh perkenalkan diri dan anggota kumpulan Sneaky Sniper?

Kami dgn line up sekarang adalah Fariz-vokal, Wan-1st guitar, Boy-2nd guitar, Yoe-bassist dan Bob-drummer.

2-Rata-rata boleh nyatakan umur ahli-ahli Sneaky Sniper?

Fariz-23, Boy-23, Wan-22, Yoe-20 dan Bob-26

3- Bagaimana boleh tertubuhnya Sneaky Sniper dan kenapa memilih nama Sneaky Sniper sebagai nama band? Apa maksud sneaky sniper selain daripada Penembak Tepat yang Licik?

Oh. Baiklah, sebenarnya kami tubuhkan band ini kerana ada berlakunya satu krisis dari golongan pemuzik di antara kami yang selalu menikam dari belakang. Justeru itu kami tubuh kan band ini kerana mahu membuka mata golongan-golongan yang suka menikam kami dari belakang ini [*tidak pernah hilang orang-orang sebegini. Death to backstabbers! -ED*]. nama pun kami letak "sneaky" kerana kami tak suka buat sesuatu dengan terang-terangan. Sebagai contoh, kami menyampaikan ketidak puasan hati kami melalui lagu-lagu kami. Kami tak mahu mnyerang atau menyindir secara terang terangan sbb ia boleh mengaibkan seseorang atau sebaliknya. Tak perlu untuk mengheboh-heboh kan nama individu atau band. Setiap masalah masih boleh di bincang, bukan di perkatakan seboleh-bolehnya. [*Tapi kalau tak cerita masalah secara terang-terangan bagaimana ianya hendak diselesaikan? -ED*]

4- Krisis diantara pemuzik? Krisis yang bagaimana? Boleh saudara terangkan dengan lebih lanjut?

Pasal krisis itu? Ermm, kami pun penat sebenarnya kalau nak selalu mengikut kata-kata orang. kalau nak ikut ideologi dulu betul-betul susah juga. Kita pun rata-rata ada yang beragama islam kan? Tapi bagi aku, HC/Punk ini boleh dievolusikan. Kita duduk di takuk yang lama. Hanya kerana kami tak ikut macam band-band HC/Punk lama-lama, kami kena cop trendy dan tidak true [*Kalau ikut band yang lama lama tu la dipanggil trendy. Come to think of it, rasa nya band-band lama semuanya dah out of trend, haha -ED*]. Hahaha. Bagi aku, kita menyampaikan melalui ideologi dan lirik.bukan dari muzik yang sudah diubah. Muzik itu sebagai kelebihan untuk menjadi kan sebuah lagu utk lebih harmonic dan melodi. [*Huh? -ED*]

5- Boleh ulas sedikit tentang muzik yang dibawa oleh Sneaky Sniper? Lirik-lirik pula mempunyai mesej-

mesej yang bagaimana? Siapa komposer utama didalam Sneaky Sniper?

kami membawa muzik modern Hardcore/Punk. Di Malaysia banyak band-band seperti ini seperti Kids On The Move, Burnout, Breakin Chains, Collages dan banyak lagi. banyak sampai tak larat tulis satu persatu. Haha. Lirik-lirik yang biasa kami sampaikan adalah mengenai hidup kami, keadaan sekeliling, persahabatan, pasal scene, fascism dan racism. kami semaa berpakat, berkumpul dan bertukar-tukar idea sesama sendiri. Masing-masing ada kelebihan. Kalau komposer utama tu susah nak cakap. Rasa-rasa Bob kot, sebab dia yang paling berpengalaman dalam muzik ni.haha.

6- Setakat ini sudah berapa material yang telah berjaya dikeluarkan oleh Sneaky Sniper? Sudah ada rancangan untuk material terbaru?

Setakat ni kami ada keluar kan single bertajuk 'one last chance'. Insyaallah dalam bulan 8 nanti kami akan siap kan EP kami untuk diriliskan selepas bulan puasa. *[By the time people got to read this interview I hope the EP had already hit the gig table-ED*]

7- Sudah berapa persembahan pentas yang telah Sneaky Sniper jayakan? Boleh kongsi apa-apa pengalaman yang menarik/kurang menarik semasa mengadakan persembahan?

Dalam 15 persembahan macam itu lah lebih kurang dalam masa 11 bulan. 8 haribulan Ogos nanti cukup genaplah 1 tahun band ini ditubuhkan. Yang paling kami ingat mesti lah gig pertama kami.Haha. Masa itu memang kelakar lah. Ada yang dihadapan kami pun beberapa kerat sahaja kot. Tapi terima kasih juga pada mereka kerana sudi mendengar muzik kami. Dan tidak lupa juga semasa Bane (US) tour di One Cafe Kuala Lumpur tempohari. Pertama kali show di Kuala Lumpur. Rata-rata yang hadir pun dari golongan HC/punk. Terima kasih juga kepada Organiser yang banyak menolong kami pada masa itu iaitu United Front Records.

8- Bagaimana dengan scene Hardcore di terengganu? Ada band HC yang lainkah selain daripada Sneaky Sniper?

Haha. Nak cakap pasal scene Hardcore di sini pun mungkin tak berapa menarik juga sebab kami pun masih lagi baru. Tapi dulu ada banyak band-band Hardcore sekitar tahun 90an seperti Gastacops [*Oh lamanya tak dengar nama ini! System Blank mana pegi? -ED*], Domination Digital (band mijan Restraint dulu) dan lain lain. Scene disini tak berapa maju mcm scene KL. Tapi sekarang sudah boleh di bangga kan juga kerana ramai kids disini dah mula dengar dan tahu tentang band-band Hardcore. Kalau dulu kebanyakannya punk, indie, metal, metalcore bands ada bertapak di sini. Semasa 1st gig kami pun orang tak tahu muzik apa yang kami bawa. Sebut macam Comeback Kids barulah mereka tahu sikit-sikit. Haha. Kalau band-band Hardcore di sini sekarang tak pasti lah. Kebanyakan mereka adalah Metalcore bands [*Oh Tidak! -ED*].

9- Kalau begitu, tidakkah Sneaky Sniper terasa terpanggil untuk cuba menyebarkan kesedaran dikalangan scenesters tentang Hardcore Punk? Paling tidak pun mengkin tentang muzik Hardcore Punk?

Rasanya muzik HC/punk dah ramai orang tahu dekat Malaysia. Sekarang pun dah banyak gig-gig yang selalu dianjurkan

tidak akan dilepas oleh pengikut-pengikut band-band ini.

Siapa diri anda dan bukannya apa yang anda katakan masih lagi menjadi ukuran untuk menilai sesuatu dan ianya adalah sesuatu yang menyedihkan. Tidak boleh tidak, sehebat mana kesamarataan yang dipromosikan oleh band-band hardcore hari ini, fan mentality tetap wujud. Sejauh mana para editor berani untuk menghadapi incensed circumstances seperti ini?

Oh tidak, ia bukannya sekadar kata-kata cacian dan makian ataupun menerima hatemails yang berbondong-bondong, tetapi mampu sehingga ke satu tahap kecederaan fizikal. Ia sememangnya ada berlaku. Keterbukaan para Hardcore Punks pada masa itu kadang-kadang tidaklah seterbuka yang disangka walau ada di antara mereka yang bermatian-matian memperjuangkan kebebasan bersuara dan keterbukaan minda. Hipokrisi bukanlah sesuatu yang baru didalam Hardcore Punk.

Ada yang benar-benar ikhlas membuat teguran setiap kali mereka melihat ada sesuatu yang tidak kena dengan scene Hardcore Punk namun ada juga mereka-mereka yang hanya menjadikan kritikan-kritikan ini penebal muka surat didalam fanzine-fanzine mereka.

Namun sebenarnya, dari satu sudut, untuk melihat pertelagahan berlaku hanya disebabkan idealism yang berbeza, sebodoh mana pun ia mungkin kelihatan pada sesetengah orang, ia sebenarnya adalah sesuatu pertelagahan yang seharusnya dipandang positif. Pertembungan idealism dan prinsip adalah sesuatu lumrah yang tidak boleh dielakkan.

Untuk melihat remaja-remaja sentiasa menjana intelektualisme didalam scene Hardcore Punk adalah sesuatu yang menyeronokkan. Cuma kita tida boleh menghindari fakta bahawa terdapat mereka-mereka yang sedikit militan dan hardline didalam mempertahankan pendapat mereka. Scene Hardcore Punk bukanlah untuk mereka-mereka yang terlalu rapuh. Ianya adalah agresif yang seharusnya positif. Cuma kadang-kadang kita perlu faham bahawa manusia itu tetap manusia. Disitulah bermulanya masalah..

Menyedari hakikat ini, ramai editor-editor pada masa tersebut yang memilih untuk mendiamkan diri walau ada yang kelihatan seperti juara didalam mempertahankan pendapat-pendapat mereka. Sebagai editor, kita sentiasa perlu bertanya kepada diri sendiri, dimana dasar dan paksi kita? sejauh mana kita ingin berpolitik didalam scene Hardcore Punk ini?

Allahyarham Shukree Hussain adalah antara editor-editor yang berani. Walaupun tidak pernah sependapat, penulis didalam diam mengkagumi beliau kerana keberaniannya. Semasa beliau menulis untuk fanzine beliau yang bernama Chaos PS, beliau dikritik habis-habisan dari kiri dan kanan kerana memperkenalkan idealism ciptaan beliau yang diberi nama “Straight Oi!” mungkin sebagai alternatif kepada perbalahan intelektual diantara Straight Edge dan Muslim Core pada masa itu.

Sewaktu pemikiran anarkisme mula menyelinap secara radikal kedalam scene tempatan dan Peace Punk menjadi trend terkini buat seketika, Allahyarham Shukree Hussain memilih untuk menjuarai Chaos Punk. Semua teman-teman editor yang mengikuti band wagon Peace Punk pada waktu itu, termasuk pada editor Abstained Agogo, memuntah kan peluru-peluru verbal mengkritik hebat prinsip beliau. Encik Shukree, anda sememangnya dan

organizer,distro,dan seterusnya kepada crowd2..

setakat ini sambutan menggalakkan..dan kami menerima feedback yang baik dan sebaliknya yang boleh membantu kami dari pelbagai aspek demi kebaikan dari masa ke semasa.. dalam myspace kami sendiri pun sudah mula ramai yang bertanya tentang perkembangan band kami..alhamdulillah..syukur ke hadrat ilahi..

14- Perancangan masa hadapan untuk This Order?

perancangan masa depan mungkin ingin merekod lagu2 baru yg telah ada untuk projek e.p yang akan dtg.jika ada rezki bercadang untuk tour ke tempat2 yang lain bagi mempromosi ep kami..serta bermain gig ke tempat2 yang belom pernah kami main seperti di pantai timur,selatan dan borneo..

15- Kata-kata akhir kepada pembaca Abstained Agogo fanzine?

kata2 akhir kami..semoga dapat menerima kami dan musik yang kami perjuangankan..support lah local scene kita yang semakin berkembang ini..tidak kira lah apa jenis genre pun,dari mana asal mereka,siapakah mereka...yang penting respect each others..kepada pendengar sila dapatkan ep cd minority this order,jika xpun boleh mendengar di myspace sahaja. semoga zine penulis ini berkembang dgn maju nya...kerana dgn arus moden sekarang yang lebih mudah dan selesa dgn laman web sosial, org tidak lagi mencari zine2 seperti era musik dahulu..zine merupakan satu perkara perlu pada dahulu..gud luck bro..keep its up.. tq so much sebab nk temubul kami k..salam perkenalan.**[END]**

The Editor's Dilemma – Addressing the Issues and the Synthesis of Incensed Circumstances.

Oleh: Hafeez Aman.

Terdapat suatu masa, dimana status sebagai seorang editor Fanzine bukan sekadar semudah menerbitkan fanzine dipenuhi dengan flyers and temubual-temubual, tetapi juga disertai dengan tanggung jawab untuk melampirkan isu-isu yang berkaitan dengan scene. Bukan sekali para editor-editor fanzine menerima padah daripada apa yang mereka ulas dan ketengahkan didalam fanzine-fanzine mereka.

Mengkritik dilihat sebagai membenci. Mungkin ada yang mempunyai isu-isu peribadi namun Penulis meragui sejauh mana terdapat para editor fanzine yang mahu atau mempunyai masa untuk mempolitikkan isu peribadi kedalam scene. Persoalannya, sejauh mana mereka-mereka yang dikritik (selalunya bands) mampu menerima kritikan daripada penulis-penulis tempatan yang tidak berstatus old-timer? Mungkin sekiranya editor-editor tempatan ini mempunyai status seperti Kent McLard editor HeartAttaCk ataupun the late Tim Yo editor MaximumRocknRoll, situasinya mungkin berbeza.

Mentaliti seperti ini ada pada band-band dan juga kepada pengikut-pengikut (peminat) mereka. Mungkin sekiranya penulis mengkritik band-band tempatan hari ini seperti Second Combat ataupun Restraint sebagai contoh, mungkin anggota band-band ini dapat menerimanya secara positif tetapi sudah pasti penulis untuk band-band HC/Punk dari luar negara untuk perform di sini. Contohnya band dari US seperti Bane, dari France seperti Nine Eleven, dari Australia seperti Carphatian dan banyak lagi. Cuma di terengganu agak kurang sedikit pendedahan tentang muzik-muzik seperti ini. Kami pun ada organize gigs dalam area pantai timur dan cuba untuk menjemput band-band HC/Punk dari Kuala Lumpur dan sebagainya agar mereka-mereka disini tahu tentang scene HC/Punk ini [*Rasanya fanzine scene area terengganu macam subur je? -ED*].

10- Muzik apakah yang mendominasi scene Terengganu hari ini? Boleh sebutkan mana mana band yang perlu diambil perhatian daripada terengganu?

Sekarang ini muzik yang mendominasi, aku rasa adalah metalcore [*Oh fuckin tidak! -ED*]. Banyak band-band seperti ini di terengganu seperti Dead Eyes Glow [*walaupun saya despise Metalcore to the end, I gotta give it to this band. Hardworking! -ED*], Aleanis Beatiful, Mad Monster Attack, 24 caliber letter dan Love As Arson. Band-band ini perlu diambil perhatian buat masa sekarang.

11- Pada pendapat saudara, perlu ke sesebuah band HC itu sentiasa serious dengan mesej-mesej yang disampaikan?

Bagi aku lah, aku rasa memag perlu. Sebab itu yang kita cakap utk disampai kan kepada semua orang. Kalau kita tidak serious dan hnya cakap tanpa action, macam mana orang mahu dengar dan ikot? Hanya cakap-cakap kosong dan tidak di praktikkan adalah seperti sesuatu yang sia-sia. Bukan hanya band HC sahaja yang aku rasa perlu menyelitkan mesej-mesej tapi band-band dari genre lain pon harus ada. Sebab melalui muzik, orang senang untuk mengetahui sesuatu. Muzik HC bukan semata-mata untuk keras atau ganas sahaja tapi bagi aku, HC atau mana-mana muzik adalah sama sahaja. Cuma cara penyampaian mungkin berlainan. [*Ada mesej mahu disampaikan tapi lirik tak pernah nak tunjukkan pada orang pun macam tak guna juga haha -ED*]

12- Pernah dengan tentang Community Coalition Collective?

Buat masa sekarang, belum penah dengar, tapi rasanya ia seperti community collective yang lain-lain. Di Terengganu pun ada satu community collective seperti Human First Collective. [*Faisal ada tulis pasal mereka-mereka ini dalam isu ini. Hardworking! -ED*]

13- Terima kasih kerana mengambil masa untuk menjawab temubual ini. Kami di Abstained Agogo mengucapkan salam maju jaya kepada Sneaky Sniper. Ada kata kata akhir buat pembaca?

Sama-sama dan terima kasih juga kepada Abstained Agogo kerana sudi interview kami. Ada salah silap dan terlajak kata harap dimaafkan. Kata akhir? Ermm, thanks kepada semua yang membantu kami selama ini. Paka Music Lovers, Dungeon Community, Human First Collective, 2 Fingers Studio, United Front United, From Heart To Crowd dan band-band lain yang selalu mendorong kami. Terima kasih banyak-banyak kami ucapkan. Tunggu kelahiran 1st EP kami ya.

Kami juga mengucapkan terima kasih kepada saudara Wan kerana sudi meluangkan masa bersama kami. Anda boleh menghubungi Sneaky Sniper di www.myspace.com/sneakysniper

AYEH'S REMPANG!
CATATAN HIDUP SELEPAS HARDCORE

REMPANG: Keindahan Itu

Oleh: Ayeh

10.13 malam, dingin hawa dalam bas menerjah ke dalam badan. Suasana seperti ini sudah agak lama tidak aku rasa, mungkin dalam tempoh tiga tahun. Perhentian seterusnya, sebuah bandar kecil, aku ingat lagi dengan bandar ini, kuat sangat ingatan tersebut, Bandar Machang...titik permulaan dan titik pengakhiran aku di sini.

Dalam masa lamunan cuba menongkah keluar dari benak fikiran, bas sudah bergerak keluar dari perhentian, tiba-tiba aku terpandang beberapa orang yang sememangnya aku kenal akan mereka ini, cukup kenal. Pandangan ku bersahaja kerana aku tahu mereka tidak akan terpandang aku dalam bas ini. Ingatan ku mula meluncur hanyut... Balik dari kuliah yang pertama aku di sini, aku berjalan kaki pulang ke hostel, sayup yang hanya aku biarkan itu ternyata hanya sementara untuk aku mulakan satu penghidupan baru di sini.

Masih belum ramai yang aku kenali di sini. Entah kenapa aku terfikir tentang semua ini, bukankah sebelum ini aku pernah berfikir untuk berada di tempat yang tiada seorang pun yang aku kenali. Inilah tempatnya, titik permulaan baru dalam hidup. No. 3/414 Kolej Amanah sebelum bertukar nama kepada Kolej Dato Onn menjadi tempat aku menamatkan langkah aku tadi.

Ikatan tali kasut diheret buka dan rasanya tidak begitu daya untuk aku menukar baju lalu direbahkan badan di atas katil, tarian kipas yang berpusing aku pandang tanpa satu pengertian. Lenguh-lenguh pada setiap sendi kaki begitu terasa, sudah lama agaknya aku tidak berjalan jauh sebegini. Di sini kawasannya berbukit, aku memerlukan tenaga untuk mengheretkan kaki menapak dalam kawasan ini. Mungkin suatu hari nanti badan ini akan susut? Senyum sinis kepada diri sendiri itu cukup untuk aku hilangkan rasa lenguh tadi. " Yeh, mari ah lepok bilik aku, bulih laye lagu. Iming bawok CD player dio". Suara itu kedengaran seraya pintu bilik di buka. Lemparan senyuman yang diberikan cukup mengharap untuk aku ikut ke sana, bilik yang dimaksudkan.

Keadaan yang lama di sini cukup untuk aku membiasakan diri, aku sudah mengenali ramai orang. Di sini segalanya tenang dengan sejuta raut pengalaman selama berada di sini cukup membezakan antara kehidupan di masa ini dan sebelumnya. Gerakkan lah hidup ini selagi ianya masih ada, dan tetaplah di mana saja penghidupan itu berlabuh. Di saat ini waktu pelabuhan semakin aku rasa sudah dekat dengan waktunya untuk aku berlalu.

Sayu rasanya bila terfikir tentang semua ini. Aku tak sanggup untuk tinggalkan tempat ini namun aku juga tidak sanggup untuk berada di sini lagi walaupun dalam masa setengah tahun lagi. Lamunan itu tiba-tiba ternoktah dengan deruan hujan di luar tingkap. Aku tersenyum, sememangnya hujan itu sentiasa mengundang di kala kenangan menyapa. Dan nyata hujan itu mengundang kembali. Pandangan kabur dari luar tingkap kerana lebatnya air yang jatuh dari langit ini. Kerdipan lampu-lampu di sepanjang jalan menghiasi waktu senja di sini dan aku

atau apa yang kami rasa sendiri atau pun dari pendapat kami kepada pendengar. Sebagai contoh lagu 1957 didekasi kepada seluruh pahlawan-pahlawan negara yang berjuang demi memerdekakan negara kita yang tercinta ini. Jadi kami ingin mengingatkan kepada generasi muda sekarang tentang bertuah nya kita hidup di negara yang aman ini. Jadi jaga dan sayangi lah negara kita mengikut cara dan medium masing-masing. Hargailah keamanan dan kedamaian yang kita peroleh dewasa ini.

10- Mengikut penjelasan saudara 1957 kedengaran seperti mempromosikan patriotisme. Tidakkah This Order berasa takut sekiranya This Order dikecam kerana menyampaikan mesej-mesej sebegitu?

di dlm ep kami..lagu2 yang kami sampaikan berlainan mesej..ada yang berkisarkan tentang penyakit di dlm masyarakat,penindasan dan mcm2 pendapat tnntg kehidupan ini. tentang lagu 1957 ni kami rasa itu pendapat kami tentang apa yang kami lihat pada generasi sekarang..tidak salah juga jika kami menyatakan hasrat kami untuk menyedarkan masyarakat sejajar dengan pembawakan konsep kami yang bersifat hardcore..pada kesimpulan lagu 1957 ini adalah bersifat motivate dan neutral dari ape2 segi serta tidak ader berbaur pro ataupun anti. dan kami harap pendengar dapat menilai sendiri dengan positif apa yang kami cuber sampaikan dalam lagu 1957 ini..

11- Salah satu band yang Penulis masih ingat daripada scene Kuala Kangsar pada tahun 90an adalah Scorched Earth Policy.

S.E.P merupakan band yang best di kuala kangsar satu masa dulu..dgn demo Hard To Breath tahun 1998..pecahan dari band mereka ada mewujudkan band2 yang lain..kami pun masih bersahabat dgn mereka sehingga kini..scene kuala kangsar adalah seperti biasa sahaja..maklumlah kami pun di pekan yang kecil sahaja berbanding dgn tempat2 lain.

12- Bagaimana dengan scene di Kuala Kangsar sekarang? Boleh sebut band band lain selain This Order?

Di kuala kangsar juga sudah ada studio yang boleh menyediakan perkhidmatan rekoding iatu di Attack Studio yang dimiliki oleh Syed Zaidi yang merupakan vokal this order..Rekoding label ialah Versus Audio Lab dibawah kelolaan saudara Najmi. band2 yang sekarang bermacam jenis2 genre..ada yang masih aktif dan ada yang sederhana aktifnya seperti death story-spirtitual black/death metal, ten bucks-punk overall,

evilusial-grind core/metal/punk, terlarang-trash barai, terrasuk-trash/punk, kyla-scream/emo, alia-metalcore, el-cetera-modern rock, hypocrite-stoner rock, diseksa-grindcore, undead-doom/death metal, protokol-anarcho/crust/grind, street boundaries-oi/punk/core/rock, street lad hooligans-street oi/punk, L.P.O-punkrock, vyrus-melodic heavy metal dan kebanyakkan band-band yang ada ini berpusat di attack studio.

13- This Order ada melakukan persembahan pentas? Bagaimana dengan respon pendengar terhadap LP Minority?

yap,ep minority ni pun baru sahaja release pada bulan may yg lalu..kami pun sedang sibuk mengpromosi ep tersebut kepada

zaman kegemilangan band2 tersebut..band2 tersebut banyak beraksi pada gig2 di lewat 90an..dari segi muzik nyer kami mmg terpengaruh dgn mereka..contohnyer dari segi sound dan lenggok dalam vokal serta performance yang positif..

7- This Order baru sahaja menerbitkan LP bertajuk Minority.

Boleh ceritakan serba sedikit tentang LP ini?

EP Minority ini merupakan e.p sulung kami dan ia memuatkan 6 lagu yang merupakan pilihan final dari beberapa pilihan lagu. 2 daripadanya adalah lagu baru dan selebihnya lagu-lagu lama yang diberi nafas baru. Kami sudah hampir setahun lebih merekodkan lagu-lagu kami. Ia memakan masa yg lama disebabkan oleh masalah-masalah yang tidak dapat dielakkan seperti masa, komitmen termasuk perubahan dalam lagu-lagu itu sendiri.

Proses rakaman dilakukan 100% di tempat kelahiran kami yang tercinta iaitu di Kuala Kangsar bandar diraja Perak. Process rekoding berlangsung di Attack Studio (http://www.myspace.com/attackkuale) yang dimiliki oleh Didi yang juga merupakan vokalis This Order. Label Rekording adalah di bawah Versus Audio Lab (http://www.myspace.com/vsaudiolab) yang berpengkalan di Attack Studio, dimiliki oleh saudara Najmi yang juga bertindak selaku Sound Enginner nya. Sample-Sample lagu telah diletakkan di dalam playlist Myspace.com itu adalah sebagai promosi dan juga untuk dikomen oleh sesiapa. sila lah dengar dan beri komen yg membina.

8- Penulis berpendapat kualiti bunyi untuk LP minority ini bunyinya agak seimbang malah boleh diklasifikasikan sebagai sangat baik. Saudara Najmi telah melakukan tugas yang sangat baik sebagai jurutera bunyi. Adakah ini sound yang diingini oleh This Order atau keputusan diserahkan kepada jurutera bunyi seratus peratus?

kami menggunakan saudara najmi semasa pembikinan e.p kami kerana berpendapat dia berpengalaman dalam selok-belok rekoding..dari segi kehendak bunyi kami this order telah memberi pendapat kami sendiri untuk mendapatkan kepuasan bunyi dari segi posisi masing2..alhamdulillah kehendak kami telah diterima pakai..saudara najmi byk memberi pendapat dan nasihat ketika rekoding untuk mendapatkan hasil yang terbaik..dgn tunjuk ajar dan pengalaman dia kami telah dapat menyelesaikan rekoding dgn yang kami kehendaki..terima kasih kepada saudara najmi.



9- Mungkin tentang lagu-lagu dan mesej yang ingin disampaikan oleh This Order?

Mesej yang kami cuba sampaikn didalam lagu-lagu kami adalah berdasarkan life (kehidupan) daripada apa yang kami lihat

mesti mandi dan bersiap untuk sesuatu kerja.

Malam di sini penuh dengan bintang, riuh bicara dan hilai ketawa mereka-mereka yang berada di sini cukup membuat hati menyusun lagu dari suasana ini. “bang, ayam 2..mayonis lebih ye” membuatkan lagu tersebut terhenti. “okay, datang kejap lagi ye”. Stall burger ini sentiasa sibuk dengan pelanggan-pelanggan yang sememangnya menggemari makanan ini. “Yeh, buatkan aku burger daging ek satu, aku nak kau yang buat, orang lain buat tak best” di selangi dengan senyuman. Inilah keadaan aku setiap malam di sini. Kadang-kadang aku tidak bekerja kerana sibuk dengan pengajian, tapi nyata aku mampu mengekang keadaan waktu di sini. Mungkin sudah menjadi kebiasaan. Di sini suasananya tenang selepas tengah malam, hanya terkadang waktu kedengaran suara raungan dari mereka yang cuba memecah hening malam. Lagu-lagu yang menjalar dalam arus udara cukup membuat suasana terhibur. Seronok bila difikirkan.

Hujan mengundang kembali, kena rasanya bila ada nyanyian latar yang mengiringi suasana ini. Dan hanya mereka yang kenal akan situasi ini boleh merasakan resapannya. Mungkin waktu itu kami sama-sama menyanyikan lagu ini dan akan merasakan rindu pada suasana ini apabila ianya sudah berlalu dan jika ianya berulang kembali mungkin kami akan merasakan semula saat-saat ini. Tiga deria yang membuatkan kita teringat tentang sesuatu perkara yang pernah terjadi itu kuat dan jelas. Apa yang kita lihat, apa yang kita hidu dan apa yang kita dengar. Semua ini kuat untuk kita kenang semula detik dan keadaannya.

Salah satu perkara indah yang pernah terjadi di sini apabila bersantai di tangga, mengalunkan irama dari gitar dan menyanyikan lagu-lagu kegemaran menjadi satu ingatan yang mungkin tak bisa dilupakan. Mengheret lewat malam hingga awal pagi yang menitiskan embun cukup menghiburkan hati. Di sini tiada apa yang perlu diresahkan, hanya lapangkan fikiran dan melangkah masuk dalam suasana sebegini ke dalam jiwa yang segar sesegar embun pagi. Waktu untuk menguruskan segala urusan pelajaran tidak pernah tersasar, apabila sampai waktu untuk semua ini, secara sendiri ianya akan terjadi. Diiringi lagu-lagu dari Radiohead dan The Hellacopters bisa menjadi peneman di kala ini. Sehingga waktu di ambang tidur lagu-lagu ini masih dimainkan. Langsir ditutup, lampu dimatikan diikuti bicara-bicara penutup hari sebelum mata terpejam. Lelaplah, semoga mimpi yang indah-indah...

Getaran enjin motosikal semasa dihidupkan nyata sama setiap hari, tetapi itu lah hari-hari yang pernah berlalu di sini, bunyinya yang menjadi gelombang-gelombang di udara tidak akan pernah hilang sama sekali. Terkadang bunyi enjin motosikal yang kuat mampu mengejutkan mereka yang masih lena dan ianya memang terjadi. Penghuni di sini masing-masing sibuk dengan haluan mereka, ke kuliah. Begitu juga aku, rokok di mulut masih membara lalu di terjah sinar matahari.

Di kuliah, tiada apa yang perlu di ceritakan, hanya seperti kapas yang digenggam kemudian dibuka kembali genggaman, ianya tetap sama. Aku begitu gemar apabila sehabisnya kuliah waktu pagi, keluar bersarapan di kedai-kedai luar kampus. Mengenakan rokok dan membelek suratkhabar mampu menenangkan pagi selepas dibanjiri dengan pelajaran semasa kuliah.

Di kampus ini pernah tersergam café atau disebut foodcourt oleh mereka yang selalu menghabiskan masa di situ, begitu juga aku. Dan di situ lah tempat aku mencari pendapatan sampingan semasa tempoh pengajian. Suasana petang di foodcourt ini tak sehebat malamnya. Petang di sini hanya sebahagian tempat saja yang menjadi tempat duduk dan minum. Suasana kicauan burung yang pulang ke sarang, hilai tawa mereka yang berbasikal, berjalan kaki dan berlari anak cukup membayangkan suasana petang. Pada waktu begini biasanya aku di stall, memotong sayur dan membuat persediaan lain untuk kerja pada sebelah malamnya, berniaga burger. Bersama beberapa rakan yang lain, aku begitu gembira dengan kerja yang aku lakukan ini. Lagu pembuka acara, 'Black Diamond' dari Stratovarius biasanya menjadi penghibur di masa memulakan kerja.

DO 2/209 menjadi bilik terakhir aku di sini dan ini adalah bilik yang paling lama aku menetap, dalam jangka masa satu tahun setengah. Tikar yang sudah sekian lama aku gunakan dari semester pertama lagi kelihatan kekuningan dari warnanya yang kebiruan, carik-carik pada bahagian tepinya sudah semakin besar sehingga aku terpaksa menampalnya menggunakan masking-tape. Walaupun keadaan tikar yang sebegitu rupa, ianya menjadi satu nilai estetik yang sangat tinggi bagi aku. Tikar itu aku akan tinggalkan di sini menjadi penghuni setia bilik tersebut. Selagi tiada orang yang mengalihkannya, biarlah ia tetap di sini bersama dua buah katil yang salah satunya sudah hampir roboh.

Banyak kenangan akan aku tinggalkan di bilik ini, nyata sekali aku tidak akan pernah sanggup untuk melupakan banyak kisah yang pernah terjadi di sini. Penghuninya hanyalah dua orang, kadang-kadang empat, kadang-kadang enam dan terkadang seorang diri.

Tungkus lumus selama hampir 3 tahun di sini nyata memberi kesan yang mendalam pada aku di kala hampir kepada penamatnya cerita hidup di sini. Tetapi di sini setelah hampir selesai segala-galanya suasana menjadi sedih. Usaha selama ini hampir sia-sia kerana apa yang aku kerjakan selama ini hilang tanpa aku sedari.

Projek akhir aku untuk menamatkan diploma hilang semasa diletakkan di bilik pameran. Aku menjadi sedih kerana pada aku adalah sukar untuk aku siapkan kerja ini. Sumber kewangan yang sukar aku perolehi untuk aku menjalankan proses-proses kerja membuat aku bertambah sedih lagi. Mungkin mereka yang mengalami situasi yang sama seperti aku juga turut merasa sedih tetapi bagi aku, aku telah melalui detik-detik yang sukar untuk aku menyiapkan kerja ini. Kekurangan duit dan masa menyulitkan lagi usaha aku ini. Aku terpaksa membahagikan masa dengan sebetulnya untuk mencari pendapatan agar projek yang aku lakukan ini tidak terbuntu dan ianya boleh siap dalam tempoh yang telah ditetapkan. Aku berasa tenang kerana adanya mereka yang sanggup bersama aku dalam situasi yang tak menentu ini, sesungguhnya tuhan itu maha adil.

Segala yang aku risaukan ini berakhir dengan ketenangan bila aku mengetahui aku telah lulus dalam program diploma ini. Terima kasih pada kalian semua kerana mengembalikan semula semangat aku yang hampir padam pada ketika itu. Aku akan sentiasa ingat akan wajah kalian semasa kalian bersama aku pada ketika itu. Walaupun aku kehilangan hasil kerja

Saya Firdaus dan di dalam This Order, saya sebagai vokal. Line up This Order banyak bertukar-tukar kerana ingin mencari kesesuaian dan keserasian didalam bermain muzik cara This Order sendiri.Tapi ini adalah line up yang kekal sehingga hari ini. Syed Zaidi-Vokal, Muhammad Firdaus –Vokal, Aidi Afdzal-Gitar, Raja Ahmad Irwan- Gitar, Mohd Zharif- Bass dan Mohd Amiruddin-Drum.

2- This Order menggunakan dua orang vokalis. Ada sebab-sebab tertentu disebalik penggunaan dua orang vokalis?

Kami menggunakan dua vokal kerana ingin menggunakan dua tone vokal yg berbeza..kerana vokal syed zaidi berbunyi lebih nyaring berbanding firdaus yang lebih kepada keras. Ini pada pendapat kami boleh menampakkan kepelbagaian dalam lagu kami. Dari persembahan juga nampak agak progressif bila di atas stage dengan line up yang agak ramai.

3- Boleh cerita serba sedikit tentang sejarah penubuhan This Order?

This Order bermula pada awal 2002. Pada awalnya TO menggunakan nama Blames On Me yang kemudian nya bertukar kepada Blames dan sampai ke hari ini kekal dengan nama This Order. Nama This Order ini diambil dari lagu Family Ties dari album Hand of Hope dari band MORNING AGAIN. Asal perkataan ini ialah 'disoder' tapi kami ubah kepada 'this order'. Oleh kerana THIS ORDER itu sendiri boleh membawa maksud 'AN ORDER TO REMIND (REMINDER) THOSE WHO FORGOT ABOUT THEM SELVES, THEIR FAMILIES, GOD, NATION, AND COUNTRY'.

4- Penulis sangat tertarik dengan muzik HC versi This Order. Penulis tidak pandai untuk menamakan band-band yang mempunyai bunyi yang sama dengan This Order tapi kali pertama penulis mendengar lagu lagu This Order, ianya mengingatkan penulis kepada muzik New School HC pada zaman 90an dan nama NET bermain main dikepala. Boleh ceritakan serba sedikit tentang muzik This Order?

Terima kasih kerana boleh menerima muzik This Order yang tidak lah seberapa ini. Kami lebih gemar melabelkan muzik kami ini sebagai Progressive Hardcore. Oleh kerana pengaruh kami adalah dari pelbagai band yang merangkumi keseluruhan musik Hardcore itu sendiri. Anggota band juga mempunyai influence masing-masing.Dipendekkan kata digabungkan semua pengaruh yg ada dan diluahkan secara jujur dan yang termampu oleh kami. Tetapi terpulanglah kepada pendengar diluar sana untuk mengklasifikasikan muzik kami itu sebagai apa.

5- Apa pengaruh-pengaruh utama untuk This Order?

Mostly from 90`s hardcore bands such as – Morning Again, Refused, Abhinanda, Inside Out, Culture, One King Down, Reprisal, Snapcase, Have Heart, Unbroken, Earth Crisis, Madball, Crown of Thorns, Sick of it All, Vod, NET, Tabaraka, FOR, Nine Cities, Subtle Revenge, Deftones, 7 Generations, 108 and many more.

6- Saudara ada menyebut Reprisal, NET dan Tabaraka sebagai salah satu daripada pengaruh. Sejauh mana pengaruh band-band tempatan ini kepada This Order. Adakah dari segi muzik ataupun dari segi attitude?

Pengaruh band2 tempatan ini mmg banyak kepada kami..kerana kami membesar pada

manusia memerlukannya. Cinta yang kita tidak pasti membantu kita dalam mencari apa yang kita mahukan sebenarnya, kita tidak mampu menjadi sempurna kerana fitrah kita manusia dilahirkan dengan serba kekurangan. Sekiranya kita selalu mendapat sesuatu yang pasti maka hidup ini tidak akan lengkap kerana tiada unsur pencarian dalam hidup kita. Perkara seperti inilah yang bermain dibenak aku setiap kali membaca teks sms tersebut. Makna yang tersirat masih aku cari sampai ke saat ini, kerana sekiranya aku sudah berpuas hati dengan jawapan aku aku perolehi maka tamat di sini segala kemungkinannya.

Lamunan tadi aku sekat, aku beri laluan kepada lagu ini meresap kedalam badan, mengalir dalam arus darah yang membawanya ke otak. 'Hitam' garapan dari kumpulan Padi, melambung-lambung dalam arus udara. Begitu membuai juga, prolog dengan diri sendiri itulah yang menjadi lirik kepada lagu ini. "oh jiwaku, di manakah aku ini? kau bawa aku melintasi tempat yang tinggi, Oh tubuhku, mengapakah engkau ini, masih menyusur tak kunjung bicara padaku".

Pada malam ini, tiada aktiviti lain selain mendengar lagu-lagu kegemaran dan adakalanya turut menyanyikan ianya bersama.

Tersentak aku dari kenangan-kenangan yang mengusik tadi, rupanya langit sudah mengandungkan air yang mungkin sebantar lagi akan menghujankannya, patutlah hari ni cuaca begitu panas. Aku perlu beredar cepat, sudah tiba masanya untuk pulang. Sekiranya hujan sempat turun, aku akan kebasahan. Bertemankan lagu 'Fake Plastic Tree' Radiohead aku terus menerjah ruang udara di jalanraya. Lagu tersebut bisa menenangkan aku setiap kali menunggang motosikal di kala hujan turun.

Ayeh

[END]



Saya sangat tertarik dengan This Order. Mengingatkan saya kepada band-band new school tempatan era 90an yang saya minati. Muzik yang berat, groovy dan garang. Mereka baru sahaja menerbitkan LP bertajuk minority yang sangat saya rekomen. Produksi bunyi yang sangat baik dan cantik. Kita bersama dengan This Order sekarang juga!.

1- Boleh perkenalkan diri dan current line up This Order?

aku, tetapi aku tetap tidak akan kehilangan sepuhan kedamaian yang kalian berikan kepada aku. Semua ini sememangnya banyak mengajar kita tentang erti hidup yang kita jalani. Terima kasih semua.

Bas yang meluncur sealir dengan kenangan aku tadi membawa pandangan aku jauh dari mereka yang aku lihat tadi. Mereka duduk di meja di bawah payung sambil lepak dan minum di situ. Mereka yang kini semakin jauh dari perjalanan bas yang aku naiki kelihatan semakin sayup.

Tiba-tiba aku menjadi sedih kerana mereka yang aku lihat tadi adalah mereka yang bernama Ayeh, Amir, Iming, Keyo, MatChah dan PokRow. Aku tahu, mereka dari pasar malam dan berhenti lepak di Kedai Payung di tepi jalan berhadapan dengan bangunan Bank Bumiputra Commerce sebelum pulang ke hostel. Itulah yang biasa terjadi setiap malam isnin di awal waktu pengajian di tempat ini. Sudah lama rasanya tiada suasana seperti ini sehinggalah aku sudah menamatkan pengajian di sini. Mungkin kita semua akan kembali lagi berteduh di bawah payung ini dengan basahan neslo ais di tekak dan roti canai mengalas perut kita nanti. Tak mengapalah, jagalah diri kalian dan rakan-rakan yang lain, "set kito jange pecoh', bisik aku dalam hati.

Ayeh // Jun 2007

[END]

BAND BIOS
biografi band

NOTE DOWN – Satay City Hardcore



Note Down merupakan sebuah band melodic Hardcore/Punk daripada bandar Satay iaitu Kajang, Selangor. Band ini dianggotai oleh Malle, Iqbal, Adly dan Rushdan. Ditubuhkan pada tahun 2008 sebagai sebuah band punk rock oleh Malle dan rakan-rakan sebelum Rushdan masuk menggantikan pemain gitar asal kumpulan ini. Menamakan More Than Life, Verse dan Final Fight sebagai pengaruh utama, Note Down telah pun mengeluarkan demo pertama mereka pada tahun 2009 dan lagu-lagu tersebut boleh dipreview di dalam muka Myspace mereka. Hubungi Notedown di: www.myspace.com/notedown

THINKING BACK – Ipoh Hardcore Attack.

Thinking Back merupakan sebuah lagi band Hardcore daripada Ipoh, Perak. Menjadikan muzik Old School Hardcore sebagai tunjang, Thinking Back menamakan band-band seperti Minor Threat, Youth of Today, Gorilla Biscuits,

Unit Pride, End To End, Justice Ahead, Bad Braind, Agnostic Front dan Skarhead



sebagai pengaruh utama. Ditubuhkan pada tahun 2003, Thinking Back bermula dengan nama AIO dengan Qusyairi (vokal), xFaqihx (gitar), Mior (gitar), Azhari (bass) dan xKhalilx (drum) sebagai line up pertama. Dengan nama AIO, dua demo telah dirakam, masing-masing pada tahun 2005 dibawah Mable Records dan 2006 dibawah Imiginasi Records dengan lirik-lirik yang menyentuh perihal sosial dan politik. AIO menukar namanya kepada Thinking Back pada tahun 2008 dan kini sedang didalam perancangan untuk menerbitkan rilisan yang seterusnya. Line up terkini Thinking Back adalah Qusyairi (Vokal), Mior (Gitar), Azahari (Gitar), xHalimx (Bass) dan xKhalilx (Drum). Hubungi Thinking Back di www.myspace.com/tbkhc

THROUGH OUR LUNGS – From The Remnants of JBHC.



Through Our Lungs merupakan sebuah band Hardcore daripada Johor Bharu. Baru sahaja ditubuhkan pada tahun 2009, Through Our Lungs dianggotai oleh Epy – guitar, Nas – drum, Abul – bass, Noh – mic, Muz – guitar yang mana masing-masing masih didalam lingkungan umur 20an. Mereka turut menamakan band-band berpengaruh seperti Your Demise, Casey Jones dan Parkway drive sebagai pengaruh muzikal utama mereka. Walaupun masih belum menerbitkan sebarang demo fizikal, lagu-lagu mereka boleh dimuat turun secara percuma didalam laman Myspace mereka. Hubungi Through Our Lungs di www.myspace.com/thoughourlungs

CHASING VILLAINS – From The Muddy Banks of KL.



Chasing Villains ditubuhkan pada awal tahun 2009 dan merupakan sebuah band Hardcore dari Damansara/Ampang. Bermula sebagai sebuah jam band three piece berpandukan muzik bawaan band-band seperti Comeback Kid, Set Sail, Saints Never Surrender, Continuance, Evergreen Terrace, Nine Eleven, This Is Hell, Paramore dan sebagainya, Chasing Villains akhirnya menambah keanggotaannya dengan line up terkini iaitu Iqmal - vocal, Aliph - guitar, Yan - bass & Wan – drum. Chasing Villains turut menggunakan pemain gitar session untuk memadatkan

Di sini waktu petangnya amat cantik, menghirup ais cendol dihiburkan oleh bentangan langit dan burung-burung berterbangan pulang ke sarang sangat mengasyikkan. Terbuai jiwa sejenak melayan alunan semulajadi tersebut.

Tapi kali terakhir aku berlabuh di sini adalah di mana pada masa itu tuan empunya empayar perniagaan cendol tersebut menafikan bahawa bayaran sudah diterima. Dia begitu tegas mengatakan bahawa kami belum membayarnya lagi. Oleh kerana itu terpaksa kami membayarnya juga walaupun sebanarnya bayaran sudah dihulur. Itulah kali terakhir..'cendol RM10'. Kenangan yang menyapa aku tadi bisa membuat bibir tersenyum, lantas deras ingatan saling berimbas.

Dua tahun kemudiannya, di sebuah gerai di tepi jalan, di suatu tempat yang lain pula. Pukul 4 petang, meja dan bangku disusun disepanjang perhentian bas, nampaknya perhentian ini bukan lagi berfungsi untuk kenderaan tersebut mengambil dan menurunkan penumpang. Ianya telah diambil alih oleh sebuah lori yang diubah-suai menjadi gerai yang mana pelanggannya begitu ramai sehingga terpaksa menunggu giliran untuk mendapatkan tempat duduk.

Biasanya aku ke sini apabila tamat kuliah pada sebelah petang, tapi tidak selalu. Sekiranya berseorangan aku akan minta ianya dibungkus dan dibawa balik makan di rumah, itu lebih baik. Sambil menonton televisyen yang tahap siarannya agak teruk kerana antenna tidak berfungsi dengan bagus. Hanya antenna kecil yang mudah dialih mengikut citarasa untuk mendapatkan siaran yang jelas. TV1, TV2, TV3, NTV7, 8TV dan TV9, itu sahaja siaran yang ada, siaran percuma untuk ditonton. Tidak menjadi masalah pada aku kerana sekiranya tiada apa rancangan yang menarik yang disiarkan, aku boleh melayan lagu-lagu yang ada dalam computer ataupun klip video kegemaran.

Inilah sebenarnya hiburan bagi aku, berkurung dalam rumah tanpa mengganggu penghuninya yang lain. Sebutkan sahaja festival-festival yang yang berlangsung di kawasan sekitar, tidak pernah aku turut serta. Malam Merdeka, malam tahun baru, semuanya tidak bermakna jika kita keseorangan di celah-celah lautan manusia yang menghimpit dan bingit. Cukup sekadar pejamkan mata dan berbisik pada diri sendiri 'selamat tahun baru'. Celik mata dan nyanyikan lagu-lagu kegemaran bertemankan alunan irama gitar buruk.

Dendangan lagu-lagu seperti 'Paranoid' Black Sabbath, 'Hopeless Case Of The Kid In Denials' dan ' Rainyday Revisited' The Hellacopters ataupun lagu-lagu perlahan yang membuai jiwa seperti 'No Surprises' dan 'Let Down' radiohead ataupun lebih jiwang dengan lagu 'Drugs Don't Work' The Verve, begitu melayan perasaan.

Kadang-kadang membaca semula sms-sms yang terdapat dalam inbox handphone bisa membuat aku tersenyum dan adakalanya ketawa seorang diri. Contohnya sms yang berbunyi "semua sekali buat satu barisan, pandang seratus meter ke hadapan, tarik nafas kemudian jerit, hidup sendirian dimamah usia!!!" mungkin perngetiannya kabur bagi mereka yang tidak memahami, tetapi bagi aku teks pesanan tersebut amat sinis dan ia juga adalah bersifat cakna dan perihatin daripada seorang sahabat.

Kadang-kadang hidup ini perlu sesuatu yang kita tak pasti, kerana setiap kepastian akan membuatkan kita semakin keliru, contohnya berkenaan dengan soal cinta. Ini isu amat menarik kerana setiap

perubahan (baca: revolusi) tak akan tercetus kalau tidak menepati masa.

Artikel asal di tulis pada: 9.12.06 //
Artikel telah dikemaskini pada: 11.12.08

AYEH'S REMPANG!
CATATAN HIDUP SELEPAS HARDCORE

REMPANG : Ketika Hidup Bercerita.

Oleh: Ayeh

Dari hadapan balkoni sebuah banglo di Bukit Damansara..tertera gabungan abjad-abjad dengan bacaan "Kementerian Sumber Manusia" pada papan tanda sebesar 10 kali 4 kaki. Permandangan lereng Bukit Damansara yang dipenuhi gergasi-gergasi konkrit menggambarkan betapa utuhnya hasil kerja manusia.

Sama juga dengan banglo di mana aku berpijak sekarang, masih dalam pembinaan tetapi boleh dirasa ianya akan menjadi bangunan yang besar bagi sebuah kediaman. Terik matahari memancarkan cahaya pada tengahari ini membuatkan liang-liang kulit memerahkan peluh, basah pada baju bukannya terkena simbahan air atau pun hujan tetapi ianya keringat yang mengalir dari badan membuatkan kaki tersentap untuk beredar mencari teduhan.

Sekiranya dapat berteduh sambil punggung melabuh dipersinggahan, itulah yang terbaik bermain difikiran ketika ini. mencari tempat yang sesuai untuk duduk di sini adalah mustahil kerana ianya dipenuhi habuk-habuk dari pembinaan ini. Bukannya aku takut seluar akan kotor, tetapi alergi yang sudah sekian lama aku hidapi tidak membenarkan aku singgah lama di sini. Aku perlu beredar cepat, kerja aku pun sudah selesai kerana setiap ukuran pada sudut-sudut tertentu di sini sudah pun aku rekodkan. Tinggal untuk balik dan lakarkan dalam bentuk lukisan untuk dipersembahkan kepada tuan empunya bangunan ini.

Ratapan sepi sebuah gerai di tepi jalan benar-benar terasa kerana ia ditelan lot-lot kedai yang lebih besar dan mempunyai kapasiti yang lebih luas untuk pelanggan, namun aku memilih untuk duduk di sini menikmati cendol pulut tapai menghilangkan kering dan haus pada tekak. Rokok di tangan disedut dalam dan menghelakan hembusan yang panjang, cukup melegakan.

Basah bibir disapa ais terasa begitu nyaman dan sekali-sekala dahi berkerut kerana sengal pada gigi yang sudah berlubang. Ingatan mula melayang, sesekali dijengah rindu akan masa silam di mana suasana gerai dan apa yang terhidang pada waktu ini mengundang nostalgia.

Duduk di bangku plastik empat segi berwarna merah yang tidak pernah berubah bentuknya, mangkuk dan camca berwarna jingga seakan-akan telah menjadi satu kemestian buat mereka yang berniaga gerai ternyata sama. Ingatan meluncur laju, tiba-tiba aku berada di sebuah gerai bertiangkan kayu dan beratapkan zink. Sekiranya digoncang gerai ini pasti bergoyang, mungkin runtuh. Tapi tiada seorang pun pelanggan mengendahkannya, apa yang menjadi topik utama mereka datang ke sini adalah 'cendol pulut tapai'.

lagi bunyi muzik mereka. Bakal menerbitkan rilisan pertama mereka dalam masa yang terdekat. Hubungi Chasing Villains di www.myspace.com/chasingvillains

FIGHT FIELD – Klang Valley Angry Young Lads.



Band ini pula ditubuhkan pada tahun 2009 dengan keanggotaan ahli yang berasal daripada segenap penjuru lembah Kelang dan Pahang. Band yang memainkan muzik Hardcore Punk yang cukup garang ini dianggotai oleh Yad - Drum daripada Shah Alam, Bob – Bass daripada Kuala Lumpur, Ijam – Gitar daripada Damansara manakala Daus – Vokalis daripada Pahang. Kesemua mereka berusia sekitar awal 20an. Dipengaruhi oleh band-band yang bervariasi daripada Minor Threat dan Agnostic Front sehinggalah kepada The Oppressed dan Cock Sparrer sehinggalah kepada Slayer dan Anthrax. Hubungi Fight Field di www.myspace.com/fightfield

BAND BIOS
biografi band

Making Fanzines a ~~Trend~~ Threat Again.

Oleh Hafeez Aman

Kami di Abstained Agogo Fanzine serta rakan rakan editor fanzine yang lain mahu membudayakan kembali fanzine didalam scene Hardcore Punk tempatan dan kami mahu anda terlibat sama didalam menjayakan misi ini. Kami mahu anda bangun, capai sebatang pen atau pensil dan beberapa helai kertas dan mula menulis untuk fanzine anda sendiri. Ianya menyeronokkan dan bakal memberikan anda satu pengalaman yang akan mendewasakan pemikiran anda. Dan ya, perenggan ini ditulis dengan sangat teruk!

Seperti yang pernah penulis katakan didalam rencana sebelum ini, falsafah ataupun idea yang paling *fundamental* disebalik kewujudan Hardcore Punk adalah falsafah konstruktif yang dinamakan sebagai *DIY* ataupun *Do It Yourself*. Idea ini bukan sahaja melibatkan perkara-perkara fizikal yang telah, sedang atau ingin dilakukan, malah yang lebih penting, ianya juga merangkumi konsep perubahan dan anjakan cara untuk berfikir.

Pada suatu masa yang lampau, semua orang menyangka bahawa untuk menerbitkan "*majalah*" sendiri adalah mustahil, apatah lagi untuk melihat remaja-remaja jalanan yang banyak menghabiskan masa mereka berpeleseran di *Pasar Seni*, berkemampuan untuk menerbitkan sesuatu. Namun remaja-remaja yang akhirnya bergelar editor-editor untuk "*majala-majalah*" seperti *Aedes, Biodegradable Materials* dan *Vortex from the East*, sekadar menyebut beberapa nama, telah berjaya membuktikan bahawa didalam keinginan untuk melakukan

sesuatu, kita tidak selalunya perlu bergantung kepada *the establishment*.

Bagaimana ianya mampu berlaku? Falsafah *DIY* mampu dan boleh difahami secara umumnya sebagai mempromosikan kemampuan melakukan sesuatu perkara dengan pergantungan yang minimum atau tanpa pergantungan kepada the establishment melainkan diri sendiri. Atau dengan kata lainnya, buat sendiri. Prinsip *numero uno* yang paling penting adalah; sekiranya anda ingin melakukan sesuatu, *just do it!* Dan ianya tidak ada kena mengena dengan kenginan anda untuk membeli kasut terbaru keluaran *Nike*.

Falsafah *DIY* boleh dilihat sebagai satu laungan slogan *Fuck You!* secara fizikal terhadap *the establishment* tanpa perlu mengeluarkan suara ataupun melondehkan seluar diatas pentas.

Pemberontakan tanpa sebab (*rebel without a cause*) adalah sinonim dengan darah muda remaja hari ini. Ianya mungkin disebabkan oleh keinginan untuk merasa bebas daripada kongkongan sesuatu sistem. Falsafah *DIY* didalam *counter culture* Hardcore Punk mempromosikan penyaluran keinginan untuk memberontak para remaja ke saluran-saluran yang lebih produktif dan non-destruktif selain daripada meningkatkan *self esteem* serta melahirkan rasa hormat kepada keupayaan diri sendiri.

Anda tidak perlu mengenali syarikat penyunting professional untuk menerbitkan fanzine anda dan anda juga tidak perlu memecahkan tabung untuk membiayai kos percetakan di mana-mana syarikat percetakan yang terkenal. Apa yang anda perlu ada hanyalah sebatang pen dan beberapa helai kertas serta keinginan untuk memperkatakan sesuatu. Namun ramuan yang paling penting adalah keinginan untuk melakukan sesuatu. Anda perlu ingin untuk melakukannya sebelum anda boleh melakukannya.

Fanzine Abstained Agogo isu 1 hingga 3 yang diterbitkan pada sekitar tahun 1997-1998 dahulu ditulis dengan menggunakan tangan. Penulis tidak mempunyai peralatan canggih seperti mesin taip, apatah lagi komputer peribadi namun selepas beberapa kali khatam membaca Fanzine *Out of Step* (*Mai* penulis *Semusim di Neraka Blog*) yang dipinjamkan oleh seorang rakan (*Jera, editor Core Pack Zine, Jeritan Batinku Zine, Against Hate Newsletter*), keinginan untuk menerbitkan fanzine sendiri membuak buak dengan radikalnya.

Usah beri ruang untuk anda mempersoalkan keupayaan diri sendiri ataupun kemampuan material anda dan persetankan juga apa sahaja kata-kata mereka yang tidak pernah mahu meyakini kebolehan dan keupayaan anda. Tunjukkan jari tengah kepada mereka jika perlu. Lakukannya.

Melihat Fanzine Abstained Agogo tersiar dan diulas sebanyak dua kali (untuk dua isu yang berlainan) didalam ruangan kolum *Blasting Concept* yang ditulis oleh Encik *Joe Kidd* untuk akhbar *The Sun* adalah *the ultimate satisfaction*. Kepuasan yang tiada taranya yang tidak boleh digambarkan dengan kata-kata. Apatah lagi apabila menerima surat pertama daripada mereka-mereka yang berminat untuk membeli sesalinan fanzine anda, ianya satu pengalaman yang paling hebat. Ejakulasi pra matang yang teragung!

Dan ya, untuk menerbitkan fanzine tidaklah sesukar yang anda fikirkan dan anda tidak perlu risau dengan kritikan-kritikan manusia-manusia *politically correct* yang mungkin masih ada diluar sana.

aku harus terpacak di bus stand untuk menunggu bas. Kedatangan bas yang tak pasti menyebabkan aku mengambil keputusan untuk keluar awal. Keluar awal untuk menepati sebuah janji temu yang telah dimeterai.

Jam di dinding menunjukkan tepat jam 11 pagi. Masih ada sejam sebelum jam 12. Aku mula bersiap sedia. Tepat jam 12, aku mula melangkah keluar dari rumah. Di bawah terik matahari aku melangkah ke bas stand di depan rumah aku untuk menunggu bas nombor 91. Belum sampai 10 minit menunggu, kelibat bas nombor 91 kelihatan. Dengan hati sedikit girang aku mengangkat tangan kiri memberi isyarat agar bas berhenti. Bas berhenti, aku baik dan membayar tiket sebanyak rm2. Mengambil tiket, kemudian menuju ke seat kosong untuk duduk. “langkah kanan aku hari ni”-getus hati kecil. Lebih kurang sejam di perut bas, aku tiba di perkarangan CM. Masih ada lebih kurang sekitar 50 minit lagi sebelum waktu yang dijanjikan. Masih awal. Kerana masih awal, aku melangkah menuju ke Toko Buku Pustaka Indonesia. Toko buku terkenal yang terletak di hadapan Masjid India. Di Pustaka Indonesia aku meneroka lautan buku, mencari kalau-kalau ada buku yang berkenan di hati. Setelah setengah jam di lautan buku, aku jadi rambang mata. Terlalu banyak buku yang aku berkenan dan mahu memilikinya. Tapi apakan daya, wang saku yang aku ada Cuma membenarkan aku membeli buku Mukjizat Cinta tulisan Kahlil Gibran. “nanti ada banyak duit, aku nak beli buku banyak-banyak”-hati berkata lagi. Setelah membayar rm15 untuk buku Mukjizat Cinta, aku melangkah ke CM semula.

Tiba di foodcourt CM, melihat jam di tangan, tepat jam 2 petang. Setelah melabuhkan bontot di kerusi, mata liar mencari tubuh badan si Murad. Ternyata Murah belum tiba. Hati sedikit lega. Ya, biar aku yang menunggu kau, jangan kau menunggu aku. Itu yang aku pegang, walaupun hakikatnya aku paling tidak suka jadi penunggu.

Setengah jam selepas jam 2, Murad belum tiba. Aku tunggu lagi. Aku sms Murad bertanyakan dimanakah lokasi terkini dia. Namun tiada jawapan. 40 minit selepas jam 2, Murad masih belum tiba.aku sms Murad lagi bertanyakan kabar. Namun,tak ada respon darinya. Aku call dan panggilan aku tak dijawab. aku tetap menunggu, walaupun aku sudah rasa bosan. 5 minit sebelum jam 3, baru aku melihat kelibat Murad yang melangkah menuju ke arah aku. Murad melangkah dengan sekuntum senyuman dan juga alasan. Alasan kenapa lewat tiba dari waktu yang dijanjikan dan juga alasan kenapa tidak membalas sms dan kenapa tidak menjawab panggilan aku.

Menjabat salam yang Murad hulurkan sambil mendengar alasan kenapa dia datang lewat dan kenapa dia tidak reply sms aku dan kenapa dia tidak pick up call aku, aku cuma tersenyum. Senyum palsu.:).

Ya, aku penat menunggu kau (Murad). Tapi ini bukan kali pertama aku menghadapi keadaan ini. Kau tidak keseorangan dalam membuat aku jadi penunggu. Kawan-kawan kita juga. Kadang-kadang aku juga menjadikan kau seorang penunggu. (hehe. tapi itu dulu laa... sekarang tak lagi.hehehe). Kita punya alasan tersendiri. Samada alasan tersebut boleh diterima pakai atau tidak.

Aku sedaya upaya akan kotakan janji yang aku buat, terutamanya janji yang melibatkan masa. Kerana aku percaya,

90an sehingga awal 2000an adalah RM2 beserta setem 50 sen. Kini kami beranggapan, harga yang tidak melebihi RM5 adalah harga yang berpatutan untuk satu fanzine 40 muka surat bergantung kepada saiz fanzine dan kualiti kandungan zine anda. Namun sekiranya fanzine anda dicetak secara professional menyerupai sebuah majalah, maka anda boleh lah meletakkan harga yang perlu.

Anda juga boleh memilih untuk menjual fanzine anda di gig-gig. Menjual fanzine di gigs kadangkala boleh menjadi tiket untuk anda masuk secara percuma kedalam sesebuah gig namun kami berpendapat bahawa budaya ikhlas tersebut sudah lama pupus. Anda juga boleh menjual fanzine anda secara tempahan mel (mail order) daripada rumah anda. Itu pun sekiranya anda tidak takut diserbu oleh Kementertian Dalam Negeri. Ya, ianya boleh berlaku malah pernah berlaku. Sekiranya anda terlalu rajin, boleh lah menjual fanzine anda dari rumah ke rumah untuk perkhidmatan pelanggan yang lebih baik.

Sekarang anda sudah tahu bagaimana untuk menerbitkan fanzine anda sendiri. Apa tunggu lagi? Mulakannya sekarang.

[END]

DUA PETANG.

Oleh: Dhani Ahmad

"jam 2 petang kita jumpa kat food court CM ok"

Mesej ringkas yang masuk ke kotak mail handphone aku, dilayangkan dari sejauh20 kilometer dari Gombak oleh Murad.

Waktu sekarang jam 11 pagi. Masih ada 3 jam sebelum waktu yang dijanjikan. Untuk sampai di CM dari rumah aku memakan masa selama sejam perjalanan. Sejam perjalanan bas maksud aku. Bas merupakan transport utama aku di kota metropolis ini. Kadang-kadang teringin jugak nak memiliki kereta sendiri. Tapi masih belum ada rezeki.

Sejam perjalanan dari rumah aku ke CM. Nak ikutkan, kalau naik motor tak sampai sejam pun. Tapi dah nama pun naik bas, nak cilok memang komfom dan tak boleh. Kalau jalan jemm tu, tunggu jek lah sampai berjanggut. Kalo naik motor, boleh lah jugak mencelah celah.

Waktu bas tiba tak menentu. Sepatutnya bas melewati tempat aku selalu tunggu bas adalah setiap setengah jam. Tapi sering saja bas akan tiba setelah saru jam aku duduk menunggu di perhentian bas. Lambat, memang lambat. Semua orang kampung aku tahu bas nombor 91 itu lambat. Tapi bagi manusia yang senasib dengan aku, memang dah takde pilihan lain. Jadi, pengguna bas nombor 91 harus sabar menanti. Menanti bas yang tak pasti bila kunjung tiba.

Jadual waktu perjalanan bas ada terpampang di tepi tempat duduk bus stand yang aku sering duduk menunggu. Tapi jadual cuma tinggal jadual. Hakikatnya terserah pada takdir (baca: driver bas). Jika ditakdirkan kau bernasib baik, kau Cuma menunggu bas tidak lebih dari 5 minit. Jika kau kurang bernasib baik, menunggu bas selama sejam lebih itu perkara biasa.

Setelah mendapat sms dari Murad, aku mula merancang perjalanan. Harus berada di CM jam 2 petang. Itu perjanjiannya. Bererti selewat-lewatnya jam 12 tengahari

Jadikan fanzine pertama anda sebagai platform untuk belajar. Boleh juga menjadikan nya sebagai platform untuk terkenal didalam ruang lingkung Hardcore Punk tempatan sebagai motivasi diri.

Pada sekitar tahun 1999-2000, scene Hardcore Punk tempatan dipenuhi dengan pelbagai jenis fanzines (dengan nama-nama yang melucukan seperti *Aechah Zine* sebagai contoh) yang diterbitkan oleh remaja-remaja. Bukan sedikit kuantiti fanzine-fanzine yang mempunyai kandungan-kandungan *crappy* yang menaikkan kemarahan manusia-manusia politically correct yang bukan sedikit juga jumlahnya pada masa itu. Namun melakukan kesilapan didalam percubaan adalah lumrah. Kita dapat lihat apabila banyak fanzine-fanzine yang pada awalnya menaikkan kemarahan abang-abang *politically correct*, akhinyr dapat mengeluarkan naskhah naskhah yang menguntumkan senyuman di bibir abang-abang *politically correct* ini.

Jadi, apa tunggu lagi. Sekiranya anda sudah terinspirasi maka tibalah masanya untuk anda menjadikan inspirasi tersebut sebagai kenyataan, dan waktu itu adalah sekarang. Capai pen dan kertas anda. Mulakan menaip di papan-papan kunci anda. Status sebagai "*somebody*" didalam scene sedang menunggu anda di syurga Hardcore Punk dengan janji ejakukulasi pra matang yang akan mengubah hidup anda selama-lamanya. Dan ya, perenggan ini juga ditulis dengan sangat teruk!

[END]



Burn Out saya kira bukanlah satu nama yang asing didalam arena pentas underground negara khususnya sekitar Lembah Kelang. Band daripada Puchong [*lagi?-ED*] ini memainkan muzik Hardcore yang sangat intense dengan mesej-mesej yang positif. Kami sempat menemubual Wan [*lagi?-ED*], pemain drum untuk Burn Out. Sila kan!

1- Boleh perkenalkan diri dan anggota kumpulan BurnOut?

hai, assalamualaikum. thanks hafeez kerana sudi interview kami [*Dont mention it. But since you have mentioned it, Nescafe tarik segelas -ED*]. Burnout terdiri daripada ajiq di posisi vocal, afad dan nik hanif di posisi gitar, nasrun selaku pemain bass dan last sekali aku wan selaku pengetuk drum. Sebelum ini Along merupakan pemain gitar dan line up asal kami tetapi dia terpaksa mengundurkan diri atas komitmen kerja dan hidup. posisi beliau kemudian digantikan dgn nik hanif dari collages.

2- Jika tak keberatan, boleh cerita kepada pembaca tentang sejarah penubuhan Burn Out? Kenapa pilih nama Burn Out?

Burnout ditubuhkan pada pertengahan tahun 2007. asalnya kitorang ni duduk satu taman dan satu sekolah so kira tiap-tiap

hari lepak sekali la. first-first start band ni memang x der intention langsung nak serius. masa tu kitorang just jamming suka-suka jer nak habiskan waktu yang terbuang. then kitorang start pergi local gig dan kenal dgn kawan2 baru dalam scene mcm kenet (first base) dan pali(2nd combat). kira diorang ni la byk pengaruh kitorang jadi serius sikit main band. so kitorang pun mula lah berjinak2 buat lagu dan main show. lepas tu kitorang pun try rekod beberapa lagu di seventh sound studio, kemuning dan dan kemudianya meriliskan demo pada hujung tahun 2008. sebelum Burnout nama band ni the reason sempena nama kawan kitorang norizan [*Kalau No Reason lebih kena kot? Haha -ED*]. haha. lepas pikir2 balik mcm kelakar pulak nama tu then kitorang ambil keputusan tukar kepada Burnout sempena semangat kitorang yang membara time tu.



3- Bagaimana BurnOut mendefinisikan muzik BurnOut? Bagaimana pula dengan lirik? Boleh cerita sedikit sebanyak tentang lirik-lirik BurnOut? By the way, Norizan ni main dengan band mana?

Kalau dulu masa baru-baru mula kitorang lebih kepada Melodic Hardcore macam Verse, FC Five, CBK tapi sekarang Burnout lebih kepada heavy Modern Hardcore macam Allegiance, Down to Nothing, Strife dan seangkatan dengannya. Tentang lirik pula, kitorang banyak meceritakan tentang hidup, kawan-kawan, penyalahgunaan dadah dan macam-macam lagi. Mostly ke arah menjalani hidup yang positif la. Owh, Norizan ni actually kawan sekolah kami. Dia banyak support kami time awal-awal dulu. So letak la nama tu sebagai appreciation terhadap sokongan dia. haha. [*adakah dia sudah berpunya? Haha -ED*]

4- Boleh sebutkan bands yang menjadi pengaruh-pengaruh utama untuk BurnOut?

Band-band yang menjadi pengaruh kami banyak sebenarnya dari aspek musikal dan lirik antaranya ialah Recover, Strife, Down to Nothing, Metalica, Allegiance, Snapcase, Have Heart, Verse, Gorilla Biscuit, Municipal Waste, Iron Age dan sebagainya.

5- Adakah menjadi satu kemungkinan pada suatu hari nanti BurnOut akan mula menulis lagu lagu bertemakan sesuatu yang diluar dunia Hardcore Punk? Seperti cinta monyet sebagai contoh?

Banyak jugak band-band HC/Punk tulis lirik bertemakan cinta macam converge contohnya. Tapi kisah cinta monyet ni macam pelik sgt ni. kalau cinta antara manusia relevan la jugak. Entah la. nanti kitorang cuba ya. haha. [*bro, cinta monyet ni cinta pra-remaja la. Apada cinta dengan monyet. Abstained Agogo is against all kinds vivisection and bestiality. Hahaha. – ED*]

6- Boleh cerita serba sedikit tentang Split release BurnOut/Driven? Macam mana boleh dapat idea untuk release split ni?

Sebenarnya sebelum ni Ein UxF record ada offer kitorang untuk release full length.

Lain-Lain. 3 perkara diatas adalah kandungan fundamental untuk sesebuah fanzine Hardcore Punk, namun ianya tidak menyekat anda untuk menambah apa sahaja ruangan-ruangan lain yang mengikut penilaian anda, berguna kepada pembaca. Kebiasaannya, para editor akan meletakkan kandungan tambahan seperti kata aluan ataupun introduksi, gambar ataupun artwork, puisi-puisi ataupun lirik, penghargaan, flyers, ruangan informasi, surat pembaca dan berbagai-bagai lagi mengikut pilihan dan kesesuaian.

Baiklah. Kini kami beranggapan anda telahpun berjaya mendapatkan bahan-bahan yang mencukupi untuk kandungan fanzine pertama anda. Anda sekarang perlu menentukan format kepada fanzine anda. Format yang menjadi pilihan kebanyakan fanzine Hardcore Punk adalah A5 (size A4 yang dilipat dua) manakala fanzine metal punya banyak yang gemar menggunakan size A4. Fanzine 40 muka surat adalah normal. Dapatkan 10 helai kertas bersaiz A4 dan lipat setiap satu untuk mendapatkan saiz A5 dan susun semua untuk mendapatkan 40 muka untuk anda isi dengan bahan-bahan anda. Anda boleh memilih samada untuk menggunakan tulisan tangan, mesin taip ataupun komputer. Namun percayalah, tiada sesiapa pun yang mempunyai masa untuk memecahkan kod-kod rahsia hasil tulisan tangan hiroglif anda.

Apa yang perlu dilakukan seterusnya? Cara tradisional yang digunakan oleh para editor terdahulu adalah dengan cara cut and paste (gunting dan tampal) iaitu dengan menaip bahan-bahan untuk kandungan mereka dan menampal setiap satu kandungan tersebut untuk memenuhi setiap muka surat fanzine mereka mengikut urutan. Namun perkembangan teknologi terkini memberi ruang untuk anda menggunakan software-software seperti Adobe Pagemaker ataupun Microsoft Words Bookmaker untuk menyusun konten fanzine anda.

Setelah anda berjaya memenuhkan setiap muka fanzine anda maka bolehlah anda tersenyum dengan hasil kerja anda. Buatkan seberapa banyak salinan zerox (fotostat) (mengingatkan penulis kepada sebuah fanzine yang bernama Zerox dari Singapura) yang termampu. Kebanyakan fanzine editor akan memilih untuk mencetak muka depan fanzine mereka dengan kertas berwarna untuk kelihatan lebih menarik. Jangan lupa hantarkan salinan-salinan percuma kepada mereka-mereka yang telah menyumbangkan kandungan dan mereka-mereka yang ditemubual.

Anda boleh memilih untuk memberikannya secara percuma sekiranya anda terlalu kaya dan ingin membuat sedikit amal kebajikan didalam scene Hardcore Punk. Ataupun anda boleh menjualnya dengan sedikit margin keuntungan yang kecil. Lihat bagaimana penggunaan perkataan “sedikit” dan “kecil” digunakan didalam satu ayat yang sama.

Anda perlu berhati-hati didalam menetapkan harga fanzine anda kerana untuk meletakkan satu harga yang terlalu tinggi bagi sebuah fanzine yang mempunyai 40 muka surat boleh menyebabkan anda dilabel sebagai Rip-Off. Rip Off adalah satu label yang sangat ditakuti oleh editor-editor fanzine. Ianya boleh berlaku samada anda menjual fanzine anda terlalu mahal ataupun anda tidak menghantar pesanan dengan sengaja. Ianya juga boleh mencetuskan rusuhan sekiranya tidak ditangani dengan segera.

Untuk sebuah fanzine 40 muka surat, harga pasaran pada pertengahan tahun

daripada itu, kami berharap agar sumbangan ini dapat membantu anda mendapatkan inspirasi untuk memulakan sesuatu dan tidak lagi hanya duduk berdiam diri. Anda tidak semestinya perlu mempunyai sebuah band ataupun mengikuti setiap siri persembahan pentas untuk menjadi sebahagian daripada scene.

Terdapat pelbagai cara untuk anda menjadi sebahagian daripada scene secara efektif dan menerbitkan fanzine anda sendiri adalah salah satu caranya. Disini kami ingin menunjukkan bagaimana cara yang paling mudah untuk menerbitkan fanzine anda sendiri. Ianya cukup mudah, sehinggakan ibu anda juga boleh menerbitkan fanzine beliau sendiri sekiranya dia mahu. Cuma pastikan ibu anda juga membaca rencana ringkas ini.

Masalah terawal yang anda perlu selesaikan adalah Fanzine anda perlu mempunyai nama. Kami rasa anda tidak akan mempunyai banyak masalah didalam memilih nama yang hebat dan gemilang bagi fanzine anda. Namun anda dilarang sama sekali untuk menggunakan nama Abstained Agogo untuk fanzine anda. Nama Abstained Agaga ataupun Mustaine Agogo juga dilarang bagi mengelakkan sebarang kekeliruan.

Perkara pertama dan yang paling asas adalah mengenal pasti kandungan fanzine anda. Sesebuah fanzine Hardcore Punk yang biasa akan mempunyai 4 kandungan asas seperti berikut:

1-Rencana.

2-Temubual.

3-Ulasan.

4-Lain-Lain.

Rencana. Apa yang anda baca ini adalah satu rencana ataupun artikel. Ia selalunya mengandungi pendapat-pendapat penulis sesebuah fanzine ataupun penulis undangan, tentang isu-isu didalam Hardcore Punk scene ataupun isu-isu sosio politik tempatan ataupun kisah-kisah peribadi yang ingin dikongsi dengan pembaca. Elakkan daripada mencedok rencana-rencana daripada internet. Anda boleh mencedok rencana daripada fanzine kami namun pastikan anda maklumkan kepada kami terlebih dahulu dan meletakkan courtesy note yang berbentuk pujian-pujian yang cermerlang. Jangan lupa menghantarkan 1 salinan percuma kepada setiap editor kami sebagai penghargaan.

Temubual. Ia selalunya berbentuk soal-jawab. Kebiasaannya sesebuah fanzine Hardcore Punk akan mempunyai temubual-temubual bersama dengan band-band yang dirasakan perlu mendapat promosi daripada fanzine anda. Namun individu-individu seperti editor-editor fanzine ataupun pemilik label juga sering menjadi pilihan. Sekiranya dahulu temubual diadakan dengan menghantar soalan-soalan menerusi surat tradisional, kini apa yang anda boleh lakukan adalah menghantar soalan-soalan kepada band-band pilihan anda melalui email ataupun Myspace page mereka. Anda juga boleh menemubual kami jika anda mahu.

Ulasan. Ianya merupakan siri rencana-rencana pendek yang mengandungi ulasan-ulasan anda terhadap album/demo daripada band-band pilihan anda ataupun fanzine-fanzine pilihan anda ataupun ulasan gig yang anda tonton. Ini juga membentuk sebagai medium promosi kepada band-band ataupun fanzine-fanzine yang anda ulas.

dalam masa yang sama, Driven pun memang dalam plan untuk recording material baru untuk ep diorang. Then kitorang pun approach diorang untuk projek split ni. terdapat 6 track setiap band dalam ep ni. proses rekoding unuk release ni sebenarnya dah lama start semenjak oktober 2009 lagi, tapi terbantut kerana masalah kewangan dan peribadi yang menyebabkan proses rekoding ini tergendala. Alhamdulillah pada bulan 6 lepas semua proses rekoding kedua-dua band dah selesai dan sekarang track2 tersebut dalam proses mixing dan mastering di the band shop. hopefully lepas raya ni split ep tu akan direlease.

7- Bagaimana proses pembuatan lagu-lagu dalam BurnOut? Ada penulis lagu utama atau masing-masing menyumbang didalam pembuatan lagu?

Biasanya Afad gitaris kami yang akan cipta riffing-riffing asas untuk sesebuah lagu tu. then time jamming baru kitorang akan lontarkan idea sama sama macam mana lagu tu akan jadi nanti.

8- Bagaimana dengan scene Hardcore di Puchong? Ada band-band lain selain BurnOut?

Scene hardcore kat puchong aku rasa menarik jugak untuk diceritakan. kadang2 ada jugak show2 band touring yang kami buat di sini. label-label macam theatrical record dan holdstill record pun banyak tolong band2 puchong dikenali dalam scene dgn meriliskan material dan buat show. selain burnout banyak jugak band2 dekat puchong ni macam Escape, Arheum Revert, Lost Sinatra, Have A Nice Death, When love and death embrace, Break for Five dan Collages. rata-rata band ni kebanyakannya kawan2 rapat kami jugak. please check them out. :) [*Will do -ED*]

9- Banyak juga band-band daripada Puchong. Adakah band-band ini ada menggunakan individu-individu didalam band lain? Mungkin seorang individu mempunyai lebih dari satu band? Kerana saya dapati Nik Hanif dari Collages juga bermain untuk BurnOut.

Ada jugak antara kami yang main dengan band lain macam Nik Hanif pernah bermain dengan Have a Nice Death, Khaliztburg dan sekarang Collages. Afad dengan Eleven. dan Wan dengan Escape, Lost Sinatra dan Triangle.

10- Boleh saudara kongsi pengalaman-pengalaman menarik untuk BurnOut sewaktu membuat persembahan pentas? Setakat ini bagaimana sambutan peminat-peminat HC kepada Burn Out?

Pengalaman menarik bagi kami banyak sebenarnya. semua show yang kami main kami rasakan menarik. Tak kira lah show tu ramai orang datang atau tidak. pengalaman berkenalan dengan kawan-kawan baru dan berkongsi pendapat adalah sesuatu yang bernilai bagi kami. Tapi salah satu show yang kami tak dapat lupakan adalah berkongsi pentas dengan Bane dari Boston. Bane merupakan Influence terbesar kami sejak kami mula-mula bermain musik lagi. Walaupun mereka adalah sebuah band yang agak berpengaruh di seluruh dunia, sikap rendah diri dan peramah mereka betul-betul kami senangi dan hargai. Sifat-sifat macam ni lah yang aku rasa perlu ada pada semua band.

11- Bane sememangnya satu nama yang hebat dan berpengaruh didalam scene HC. Boleh ceritakan bagaimana BurnOut boleh berkongsi pentas dengan Bane? Apa perasaan Burn Out

pada ketika itu untuk bermain sambil diperhatikan oleh Encik Aaron Bedard?

Sebenarnya pihak UxF Bookings yang buat show tu dan menjemput kami sebagai opening act untuk Bane. masa baru-baru dapat tahu tu memang sumpah excited gila sampai tak terkata. Tak sabar pun ada, takut pun ada. Aaron Berdard memang seorang frontman yang sangat tenang dan cool. Senang diajak berbual dan sangat peramah. Tapi itu antara pengalaman dan penghargaan yang paling kitorang akan ingat sampai bila-bila.

12- Apa pendapat saudara mengenai scene HC tempatan pada hari ini? BurnOut ada cover lagu-lagu daripada band-band tempatan?

Pada pendapat aku scene HC tempatan sekarang ni sedang meningkat naik dengan band-band yang berbakat dan jujur dalam berkarya macam Kids On The Move, Collages, Thy Regiment, Daighila dan lain-lain lagi. Band-band luar pun dah mula menunjukkan minat tour dalam negara kita. Terima kasih jugak kepada label-label yang booking dan buat show diorang. banyak kali jugak kitorang cover lagu-lagu band local masa kitorang baru-baru start dulu macam lagu dari Nostalgia, 2nd combat, Kids on the Move dan First Base. Terima kasih jugak kat diorang yang banyak bagi tunjuk ajar dalam permainan, rekoding dan macam-macam lagi.

13- Bagaimana pula dengan band band dari gelombang pertama HC di Malaysia seperti 24 Reasons, Basic Right, Disaster Funhouse, Chronic Mass atau 76 seconds. Adakah Burnout pernah memainkan lagu lagu mereka? Apa pendapat BurnOut tentang band band lama ini?

Pada pendapat aku band-band era ni perlu diberi penghargaan kerana telah merevolusikan anak-anak muda dalam Malaysia untuk mula terima idea-idea dan muzik HC/Punk pada zaman tu. Generasi kami hanya penyambung legasi yang telah dimulakan oleh mereka pada awal 90an. Jadi kami amat menghargainya. First kaset HC yang aku dengar pun ialah split EP Basic Right/Chronic Mass masa awal-awal sekolah menengah dulu. Jadi kalau aku tak jumpa kaset tu dulu memang tak ada lah main muzik macam ni rasanya. buat masa ni tak pernah lagi kami main kan lagu2 mereka masa show. Insya-Allah mungkin satu hari kami akan cuba.

14- Sekiranya diberikan peluang untuk memilih, diantara Major Label dan Independent Label, yang mana satu kah yang akan BurnOut pilih?

Sekiranya diberi pilihan mestilah independant label yang jadi pilihan kami kerana lebih bebas berkarya dan tidak perlu menumpukan seratus peratus komitmen kepada band sahaja. Niat asal kami tubuhkan band ni pun bukannya nak glamour atau pun cari rezeki atas karya kami. it's just all about having fun of doing it.

15- Kami di Abstained Agogo Fanzine mengucapkan selamat maju jaya buat BurnOut. Kata-kata terakhir untuk pembaca?

Terima kasih Hafeez kerana sudi interview kami yang masih mentah ni. Thanks juga kepada kawan-kawan yang banyak memberi sokongan dari mula penubuhan band ni sampai sekarang. nantikan split EP kami dengan Driven yang dijangkakan release lepas raya nanti.

11- Saya tertarik dengan mesej menggunakan UG scene sebagai batu loncatan untuk ke mainstream. Masih ada lagi kah trend begitu pada hari ini?

Tengok didalam ROTTW pada setiap bulan. Sendiri mau ingat. Bila dah expose, automatic merasakan diri ni sudah otai. Masuk magazine. Gigs sudah boleh demand payment. Band aku dah masuk magazine ooo. Kau nak bagi rm 40? Sori, jangan panggil kita orang lagi. Tak lah semua bands yang macam itu kerana ada juga band yang mahu menaikkan ideologi dan martabat muzik yang mereka bawa. Massage is the most important thing, not money. [*tapi ada juga bands yang bijak untuk menggunakan platform percuma macam ROTTW untuk menyebarkan dakyah HC mereka -ED*]

12- Selain daripada PCS, boleh sebutkan band-band HC lain yang ada di Sungai Petani? Adakah band ini saling kenal mengenali diantara satu sama lain?

FSF (punk rock) [*gua minat ini band! -ED*], Spermblast (pornogore grind), Heretic Torture (deathcore), Stick No Bill (punk rock), Pull The Trigger (punk rock) dan banyak lagi akan muncul di abad ini. Tunggu ketibaan mereka. We are circle of Friends. Kawan dari sekolah lagi. Membesar dalam dunia muzik.

13- Apa perancangan masa hadapan PCS? Material baru mungkin? Sekiranya ada terdapat mereka yang ingin mendapat merchandise dari PCS, bagaimana mereka boleh dapatkannya?

Mungkin kami aku release next material .check kami punya myspace http://www.myspace.com/pxcxs. dan kami akan update bila dah release.jika ingin mendapatkan merchandise plz check at http://www.myspace.com/deadendclothing merch. boleh beli atau trade.

14- Kata kata akhir buat pembaca Abstained Agogo fanzine?

Thank to Hafeez Abstained Agogo. Aku lama juga tak jawab interviews. Aku minta maaf kalau-kalau jawapan interview aku menguris hati kalian. THIS IS TOXIC HARDCORE.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada saudara Mixart kerana sudi meluangkan masa untuk menjawab soalan soalan maut kami. Sekiranya anda berminat untuk mendapatkan demo daripada PCS sila berhubung melalui alamat myspace yang telah disediakan. PCS rules!

[END]

This is How You Start Your Own Fanzine.

Oleh: Hafeez Aman

Kami di Abstained Agogo berharap agar anda sedikit sebanyak berasa terinsipirasi untuk tidak hanya duduk diam tanpa berbuat apa-apa dan mula tergerak untuk memulakan fanzine anda sendiri. Salah satu sebab lain kenapa kami memulakan kembali Abstained Agogo fanzine ini adalah sebagai tanda sokongan kepada rakan-rakan kami yang masih menulis fanzine hari ini.

Kami berharap ini boleh dijadikan sebagai satu sumbangan kecil didalam perjuangan editor-editor yang masih memperjuangkan pembudayaan kembali fanzine kedalam scene Hardcore Punk tempatan. Selain

next material dalam tahun ni atau tahun hadapan.

5- Berdasarkan daripada lagu-lagu yang terdapat didalam Myspace PCS, bunyi lagu lagu PCS memang agak old school dengan unsur Punkish yang sangat pekat. Mungkin disebabkan oleh kualiti bunyi. Atau memang PCS berkehendakkan bunyi nya seperti itu?

Kami sukakan 80s sound, macam Negative Approach, Youth of Today, Ten Yard Fight dan Agnostic Front. Muzik dan sound yang raw ini lebih menimbulkan semangat atau the hardcore spirit bila memainkan sesebuah lagu. [*Sound yang memang old school pada pendapat saya dengan bunyi bass yang high in the mix dan guitar yang agak minimal -ED*]

6- Bunyi 80s itu memang pekat didalam lagu lagu PCS. Tapi bagaimana untuk terbitkan bunyi 80s itu ketika bermain secara live? Atau bunyi seperti itu hanya untuk rakaman sahaja?

Guitarist PCS meminati sound-sound crossover yang raw seperti dari band DRI, Gang Green, Youth of Today, old Tankard dan Exodus untuk sound yang boleh di mainkan apabila live [*mungkin memerlukan setting yang khas -ED*] dan juga untuk rakaman juga.

7- Sudah berapa bilangan gigs yang telah dijayakan oleh PCS? Bagaimana dengan sambutan peminat HC terhadap PCS setakat ini?

Aku pun tak pasti bro. Mungkin dalam 20 kali. Sambutan ok la. Hardcore for fun.

8- Boleh sebutkan band-band yang mempengaruhi PCS dan bagaimana band-band ini mempengaruhi PCS?

Negative Approach, Youth of Today, Ten Yard Fight, Agnostic Front, Cromags dan Bold. Sound, susunan lagu dan lirik mempengaruhi kami ke lubang OLD SCHOOL HARDCORE.

9- Bagaimana dengan band-band HC tempatan?

Banyak band yang menunjukkan peningkatan secara sihat seperti Second Combat, Utarid, Uphold, Fastgame, Mass Separation, Parkinson [*tahun bila daa semua ni bro hahaha -ED*] dan lain-lain. Ini telah membuka mata dunia luar yang Malaysia mempunyai satu Hardcore/punk scene yang agak besar dan mempunyai bakat-bakat yang setanding bands luar negara.



10- Apa mesej-mesej yang cuba ditonjolkan didalam lagu lagu PCS? Yang penulis perasan, ada lagu yang berkenaan dengan pengawalan diri sendiri ataupun self control. Boleh ulaskan secara lanjut?

Mesej yang ingin ditonjolkan oleh PCS adalah tentang adakah underground scene itu sebagai batu loncatan kedunia mainstream, tentang D.I.Y, life dan more about hardcore.

Kami di Abstained Agogo sangat meminati Burn Out. Haha. Kami ucapkan terima kasih kepada Wan dan Burn Out kerana sudi ditemuramah walaupun dalam keadaan sibuk dengan pelajaran. Maafkan kami sekiranya kami ada menyusahkan anda semasa proses interview ini berlangsung. To everyone, kindly contact this awesome dude, he will reply your messages walaupun sibuk nak exam. Salute to Wan and Burn Out! Hubungi burn Out di www.myspace.com/Burnout

[END]

MEMBUDAYAKAN KOLEKTIVISME

Oleh: Dhani Ahmad

Musim cuti persekolahan merupakan hari yang sering ditunggu oleh kebanyakan pelajar. Pengisian aktiviti dimusim cuti merupakan elemen tambahan yang akan mengembirakan para pelajar. Yang pasti, tanpa sebarang aktiviti sekali pun, cuti itu sendiri adalah suatu yang mengembirakan.

Bagi sekumpulan anak muda yang menetap di Kemaman, Terengganu, mereka memilih untuk melakukan kerja-kerja amal di musim cuti persekolahan. *Human First Collective(HFC)* merupakan satu nama yang tidak asing bagi penduduk Kemaman. HFC adalah nama bagi sekumpulan anak muda dari daerah Kemaman yang sedar dan peka dengan keadaan sekeliling. Mereka mengambil inisiatif tersendiri dalam usaha untuk membantu dan menyumbangkan sesuatu kepada masyarakat**.** "Penubuhan HFC tidak hanya untuk membantu masyarakat yang kurang bernasib baik, tapi ia juga ditubuhkan atas tujuan untuk mencapai kesamarataan sesama manusia dalam masa yang sama cuba untuk mencipta sedikit ruang di dunia ini yang bebas dari budaya penindasan." ujar Fahmi, 17 tahun. Objektif yang agak utopia bagi sesetengah pihak. Namun kewujudan HFC yang genap satu tahun pada 6 Julai 2009 yang lepas sama sekali menafikan sangkaan tersebut. Setidak-tidaknya objektif HFC dapat dipraktik dalam kelompok mereka.

"Seramai 10 orang sukarelawan yang bergabung di HFC. Kebanyakan mereka terdiri daripada remaja lepasan sekolah. Namun ada juga yang masih lagi menuntut di sekolah menengah. HFC mula terbentuk pada tahun 6 Julai 2008. Pada masa tu, kami semua masih lagi di bangku sekolah. Setelah setahun berlalu, kewujudan HFC tetap diteruskan walaupun ada diantara kami yang melanjutkan pelajaran ke IPT." kata Ikhwan yang berusia 18 tahun dan sedang menuntut di IPTA.

KOLEKTIF

HFC bukanlah sebuah NGO. Ia merupakan sebuah kumpulan yang bergerak secara kolektif dalam usaha membantu mereka yang memerlukan. Mereka juga percaya bahawasanya melalui kolektif mereka dapat menyebarkan informasi, bertukar-tukar idea, menjalankan aksi langsung dan apa juga perkara yang difikirkan sesuai.

Secara ringkasnya, kolektif merupakan sebuah kumpulan kecil yang melakukan aktiviti secara bersama. Struktur organisasi kolektif menafikan sistem piramid ataupun sistem hirarki. Dengan kata lainnya, kolektif merupakan sebuah kumpulan kecil yang tidak mempunyai ketua mahupun pengikut. Mereka yang berada di dalam sesuatu kolektif mengamalkan konsep kesamarataan antara satu sama lain. “walaupun usia kami tak sama, tapi itu tak jadi masalah sebab kami menghormati hak antara satu sama lain dan kami mengamalkan konsep kesamarataan.” ujar Amir yang sebaya dengan Fahmi. “Setiap isu berbangkit akan dibincang dan diselesaikan secara bersama dalam mencapai keputusan yang konsensus.” tambah Amir lagi.



AKTIVITI

Sejak awal kewujudan sehingga sekarang, banyak aktiviti yang telah dijayakan. Antaranya ialah pembahagian barangan secara percuma, mengambil keluarga angkat, mengadakan bengkel-bengkel ilmu, mengadakan kelas tambahan secara percuma dan juga mendistribusi makanan secara percuma. Tidak sekadar menganjurkan program kemasyarakatan, mereka juga sering menganjurkan gig (mini konsert) di sekitar Terengganu dalam usaha menarik minat para remaja terutamanya untuk terlibat sama dalam dunia kolektivisme.

Status mereka sebagai pelajar sekolah dan juga pelajar IPT sama sekali tidak menghalang mereka melakukan kerja-kerja kemasyarakatan tersebut. Ini kerana, aktiviti yang mereka anjurkan pada kebiasaannya dilakukan pada hari minggu dan juga hari cuti am. “disebabkan sekarang kami berjauhan antara satu sama lain, jadi untuk melakukan aktiviti kami perlu cari masa yang semua orang ada, iaitu hari cuti sekolah dan juga cuti semesta bagi IPT.” Jelas Fahmi.

Kesempatan yang ada digunakan sepenuhnya oleh mereka dalam usaha untuk membantu masyarakat sekeliling sedaya mampu mereka. Sememangnya aktiviti yang mereka lakukan sama sekali berbeza dengan aktiviti yang biasanya dianjurkan pihak sekolah, seperti terlibat dengan kegiatan ko-kurikulum, mengadakan pembelajaran berkumpulan, mengadakan perkhemahan badan beruniform dan sebagainya. Aktiviti yang pihak sekolah sediakan sememangnya baik untuk membentuk sahsiah diri para pelajar. Namun, aktiviti kemasyarakatan sepertimana yang dilakukan oleh mereka di HFC juga tidak kurang hebat kesannya



Baiklah. Kali ini kita bersama dengan sebuah band old school Hardcore dari Sungai Petani Kedah yang menggelarkan diri mereka Personal Control System [PxCxS]. Apa yang menarik perhatian saya adalah sound lagu-lagu mereka memang benar-benar dari 80an [punky, bassy]. Sesuatu yang menarik dan fresh walaupun kedengaran lama. Kita bersama dengan saudara Mixart yang merupakan vokalis kepada PxCxS untuk menjawab beberapa soalan berkenaan dengan band beliau. Read On!

1- Boleh perkenalkan diri dan anggota band PCS?

Saya Mixart –vox,1st guitar- Maman, 2nd guitar - Daud, bass - Epy dan drum - Acix

2- Bagaimana PCS boleh ditubuhkan? Kenapa pilih nama PCS? Personal Control System? Dan adakah PCS sebuah band SxE?

PCS start pada 1998 oleh ex drummer PCS, Matt, dan kemudiannya Odent (Ex-guitar) bermain sebagai pemain guitar, Maman sebagai bassist dan saya sebagai vocal. PCS dahulunya bermaksud Poser City Skate, sebab dulu kami main skateboard. Main dah lama tapi tak pandai - pandai buat trip. Hehehe. Dan selepas itu kami banyak focus pada muzik Hardcore/punk, mengkaji muzik yang ingin dibawa. Dari situ lah Personal Control System di tabarkan. PCS bukanlah band SxE, tapi hanya saya seorang sahaja yang mengamalkan ideologi SxE.

3- Boleh ceritakan tentang muzik PCS? Old School HC. Kenapa memilih muzik ini?

PCS plays old school HC. Kami memilih muzik old school kerana:

1] good- mudah kami sampai mesej tentang life,political.dan keseronok tentang hardcore muzik

2] clean- mesej yang diterima oleh crowd atau pendengar muzik ini akan menerima secara positive

3]fun- dan Hardcore itu fun .

[*note the Good Clean Fun reference! Haha-ED*]

4- Setakat ini sudah berapa material yang sudah diterbitkan oleh PCS?

Baru ada 2 iaitu demo pada tahu 2000 dan EP bertajuk Personal Control System pada tahun 2002. Kami bercadang untuk release

memperkenalkan muzik Melodic Death Metal sebagai haluan baru untuk album Heartwork yang diterbitkan pada tahun 1993. Genre ini seterusnya disempurnakan oleh band-band dari Sweden seperti InFlames dan Dark Tranquility yang memperkenalkan the Gothenburg Sound.

Bunyi low fidelity yang terdapat pada demo demo terawal band-band Hardcore Punk Amerika juga sedikit sebanyak menjadi lakaran kasar kepada bunyi raw dan grim yang dijuarai oleh band-band Black Metal Scandanavia terawal seperti Mayhem, Burzum, Dark Throne, Immortal dan Emperor pada awal tahun 1990an.

Jadi tidak hairan lah sekiranya garisan yang memisahkan kedua genre ini adalah nipis disamping kedua-duanya adalah muzik outcast ataupun muzik diluar dogma, biarpun kedua-duanya adalah dari kelompok yang berlainan.

Mungkin satu-satunya muzik daripada jaluran punk rock yang diminati penulis adalah hardcore. Itupun mungkin kerana kebanyakan band-band veteran new school hardcore yang diminati oleh penulis lebih berorientasikan bunyi gitar yang berat seperti Snapcase, 25 Ta Life dan Rykers, sekadar menyebut beberapa nama.

New school Hardcore adalah cross over yang paling hampir yang menggabungkan keperibadian (attitude) Hardcore Punk dan keagresifan gitar down tuned muzik metal. Band-band seperti Earth Crisis, Hatebreed, Sick of it All ataupun Madball adalah seolah-olah seperti band-band Metal yang disarati pemuzik-pemuzik Hardcore Punk.

Band Hardcore tempatan yang mempunyai attitude yang sama adalah band-band KLHC yang terawal seperti Chronic Mass ataupun Basic Rights dan band JBHC seperti Never Ending Threat. Ataupun Another Side daripada Kuala Lumpur yang memperkenalkan Darkside Hardcore. Ataupun band sedikit terkemudian seperti Pointless Judgment daripada Seremban. Elemen ini masih boleh dilihat hari ini didalam band-band seperti Restraint dan Dashown.

Pada awal tahun 2000, sayangnya, new school Hardcore telah memilih untuk berevolusi secara keperibadian dan teknik untuk menjadi apa yang dapat dikenali hari ini sebagai muzik Metalcore. Genre yang sedang digilai oleh remaja-remaja Hardcore pada hari ini. Dan Penulis tidak merestui evolusi yang ini. Dipenuhi dengan riff-riff Gothenburg yang dikitar semula dan permainan drum yang ekstensif, elemen daripada New School Hardcore pada pertengahan tahun 90an hanyalah pada jeritan si penyanyi.

Walau apa pun, muzik, seperti yang penulis katakan tadi, adalah sesuatu yang berevolusi. Namun pengaruh Punk Hardcore itu tetap tegar. Bersamalah kita berharap agar Metalcore pupus dengan kadar yang cepat. Haha.

[END]

kepada pembentukan sahsiah diri. Malah, aktiviti kemasyarakatan nampaknya lebih banyak menyumbang benefit kepada para pelajar, terutamanya bagaimana cara untuk berkomunikasi dengan orang awam dan dalam masa yang sama dapat memberi sumbangan kepada masyarakat.



PERCUMA

Diantara banyak aktiviti yang dianjurkan HFC, aktiviti pembahagian barangan secara percuma memberi kesan yang besar kepada masyarakat dan juga kepada pihak HFC sendiri . Secara spesifiknya, barangan yang diedarkan oleh HFC adalah seperti pakaian, buku, majalah, kasut, beg dan sebagainya. Acara ini dijayakankan buat pertama kalinya pada 18 Julai 2008, bertempat di Kampung Air Putih, Kemaman.

Menyingkap proses awal bagaimana anak muda yang masih lagi berstatus pelajar sekolah itu dapat berfikir untuk mengadakan aktiviti seperti itu, adalah berpunca daripada sikap ingin membantu antara satu sama lain. Menggunapakai segenap ruang yang ada, mereka sepakat untuk mengumpul barangan terpakai. Proses pencarian barangan terpakai bermula dengan mengedarkan *flyers* (sebaran informasi) yang bertujuan mencari barangan terpakai atas tujuan untuk dibahagikan secara percuma kepada mereka yang memerlukan. “kami buat flyers sendiri, kami spread sendiri. Di flyers tu kami tulis nombor untuk dihubungi, email dan juga informasi mengenai aktiviti yang kami akan anjurkan” Ikhwan menjelas lebih lanjut. Ternyata *flyers* yang disebarkan sekitar Kemaman itu mendapat respon yang baik dari masyarakat tempatan. Ramai yang menghubungi HFC untuk memberikan sumbangan. “kalau ada orang call untuk bagi barang, sesiapa di antara kami yang free akan terus bergerak ke lokasi. Kira lebih kurang macam Pizza Hut la. Orang call je, kami datang” kata Fahmi sambil ketawa. Sikap prihatin masyarakat Kemaman adalah representasi kepada masyarakat Malaysia yang sememangnya dikenali dengan sikap prihatin dan mengambil berat antara satu sama lain. “Orang area Kemaman ni ramai yang nak mendermakan barang, cuma mungkin mereka tidak tahu apa saluran yang boleh diguna untuk menghulur bantuan.” tambah Fahmi lagi. Sumbangan yang diterima pihak HFC dikumpulkan di rumah salah seorang sahabat HFC. Barangan yang diterima diasingkan mengikut kategori masing-masing. Ianya bertujuan untuk memudahkan orang awam memilih barangan yang mereka mahu mengikut kategori tertentu. Ternyata barangan yang berjaya dikumpul adalah lebih dari mencukupi. Setelah selesai mengumpul barang, mereka mencari satu tarikh dan lokasi yang sesuai untuk menjayakan aktiviti pembahagian barangan tersebut. Akhirnya, tarikh keramat 18 Julai 2008 dipilih. Bertempat di Kampung Air Putih, Kemaman, anak muda HFC mengadakan aktiviti pembahagian barangan secara percuma. “Kampung Air Putih tu boleh dikatakan agak daif dan banyak kekurangan. Jadi kami pilih lokasi tersebut untuk berkongsi sedikit kebahagiaan

dengan penduduk di situ" kata Amir. Pada hari acara pembahagian barangan berlangsung, mereka di HFC tidak sekadar menjalinkan hubungan kemasyarakatan dengan orang ramai. Malah mereka turut mengedarkan sebaran informasi mengenai pelbagai isu dalam usaha untuk berkongsi maklumat berguna dengan orang ramai. Sehingga sekarang, acara pembahagian barangan percuma telah dilakukan sebanyak 5 kali pada lokasi yang berbeza.

POSITIF

Aktiviti yang dijayakan HFC mendapat respon yang baik dari orang ramai. Rata-rata mereka yang mengunjungi aktiviti anjuran HFC (aktiviti pembahagian barangan percuma khususnya) memberi komen yang positif terhadap aktiviti yang dijayakan. Tidak sekadar memberi komen, para pengunjung juga berkongsi pandangan dan pendapat mereka keatas aktiviti yang HFC lakukan. Ternyata aktiviti yang dianjurkan HFC telah membuka mata masyarakat. Malah ada pengunjung yang terharu dengan sikap anak muda HFC yang prihatin dalam membantu masyarakat sekeliling. Tidak kurang juga ada yang terkejut dan tidak percaya bahawasanya masih ada sekumpulan anak muda yang sudi membantu mereka yang memerlukan. "Selesai bagi barang percuma, dalam perjalanan nak balik, ada satu keluarga ajak kami makan. Kami tak menolak rezeki. Kami dan keluarga tersebut makan beramai-ramai." ujar Amir. "Suasana masa tu memang terbaik. Bila diingatkan kembali, rasa macam nak nangis pun ada" tambah Ikhwan sambil ketawa.

HARAPAN

"Sepertimana ada orang awam yang mendoakan kebaikan untuk kami, kami juga berharap agar HFC akan terus wujud dan berbakti kepada masyarakat sekeliling untuk satu tempoh jangka masa yang panjang. Kami juga berharap agar lebih ramai yang tampil membantu golongan yang memerlukan dalam usaha untuk berkongsi sedikit kebahagian hidup di dunia ini." kata Fahmi sebelum mengakhiri perbualan.

Untuk mengetahui tentang HFC sila ke http://www.myspace.com/humanfirstcorelective atau www.humanfirstcollective.blogspot.com

Retracing the Outline of Hardcore Punk Attitude in the Music for the Outcasts.



Oleh: Hafeez Aman.

Scene fanzine sentiasa mempunyai sentimental value kepada penulis dan penulis percaya ianya juga mendapat tempat yang istimewa dihati hati mereka-mereka yang pernah bergelumang dengan scene ini. Bagi penulis, hakikat ini mungkin disebabkan oleh perkenalan penulis dengan scene Hardcore Punk adalah menerusi fanzine dan bukannya melalui muzik punk rock. Namun satu hakikat yang tidak boleh dinafikan adalah tanpa muzik yang hebat dan generik itu, semua yang anda tahu tentang scene ini mungkin tidak akan wujud.



Sejauh mana lakaran lakaran Hardcore Punk attitude didalam muzik? Sedalam mana pengaruh Hardcore dan Punk secara muzikal didalam membangkitkan keinginan remaja pada permulaannya untuk berkenalan dengan scene Hardcore Punk dan scene Underground secara umumnya?

Sebelum bermula sebagai counter culture, Punk Rock bermula sebagai sejenis muzik. Untuk mempersetankan Malcolm Mclaren dan Sex Pistolnya mungkin tidak boleh secara seratus peratus. Mungkin kita boleh merujuk kepada Hardcore scene di Amerika Syarikat kerana impaknya pada seluruh dunia pada pendapat penulis adalah jauh lebih berpengaruh daripada the Punk Explosion di Britain. British Punks memulakannya, American Hardcore menyempurnakannya.

Penulis tidak pernah mempunyai minat yang mendalam terhadap muzik punk rock daripada dahulu hingga sekarang. Dari segi preferan muzik secara peribadi, Penulis memilih untuk meminati muzik metal dengan tegar, yang juga sejenis muzik outcast sama seperti punk rock tetapi daripada liga yang berbeza walaupun pada hemat penulis garisan yang memisahkan kedua genre tersebut adalah agak nipis.

Mungkin ada yang akan bertanya, bagaimana mungkin jurang diantara kedua genre yang jauh berbeza ini boleh dikatakan nipis sedangkan keduanya adalah dari liga yang berbeza? Muzik adalah sesuatu yang sentiasa berevolusi. Heavy metal dimulakan oleh band-band terawal seperti Black Sabbath, Blue Cheer, Led Zeppelin dan Deep Purple. Kecuali Black Sabbath, kebanyakan band-band ini masih lagi terikat dengan struktur-struktur chord blues.

Apabila bermula letusan pergerakan Hardcore di Amerika Syarikat pada sekitar tahun 1979-1980 oleh band-band Hardcore terawal seperti Black Flag, Bad Brains dan The Middle Class yang melopori permainan muzik yang laju, ianya menjadi titik evolusi terawal kearah tercetusnya muzik Thrash Metal yang dipelopori oleh Metallica dengan album pertama mereka yang berjudul Kill Em All yang diterbitkan ada tahun 1983. Diikuti dengan kemunculan band-band Bay Area seperti Exodus, Testament ataupun Anthrax dari New York dan Slayer dari San Francisco. Lagu-lagu punk dari band-band seperti The Misfits dan Minor Threat masih lagi dimainkan sebagai cover di konsert-konsert besar mereka.

Didalam perlumbaan untuk menjadi pemuzik yang terpantas yang dipelopori oleh pemuzik pemuzik Hardcore Punk seperti Greg Ginn dan Gary "Dr.Know" Miller ini juga sedikit sebanyak membawa kepada evolusi muzik Grindcore yang dipelopori oleh Napalm Death dengan album lagenda mereka iaitu Scum yang diterbitkan pada 1987 yang secara lirikalnya turut diberati dengan pengaruh band-band anarcho punk Britain seperti Crass. Daripada Grindcore, band veteran didalam genre tersebut iaitu Carcass telah